fikiran dan pendapat berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama yang sedang di-bahathkan di-hadapan kita pada masa sekarang. Pehak Pembangkang, sa-bagaimana biasa-nya, walau bagaimana baik chorak planning rancangan itu maka kita dapati pendapat daripada mereka bahawa rancangan akan tinggal didalam rancangan sahaja. Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong pagi samalam dalam masa membawa satu pindaan yang di-katakan equal and just telah menganggap buku rancangan ini sa-bagai sa-buah buku untuk perhiasan sahaja tetapi tidak akan dapat di-laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong itu ada menerima, menyemak atau pun membacha Buku Merah ia-itu Rancangan Pertama Pembangunan Luar Bandar yang di-lancarkan pada tahun 1960 yang lalu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu menyemak dengan teliti dalam Buku Merah itu, maka saya perchaya tentu-lah dia tidak akan berani mengatakan bahawa Rancangan Yang Pertama Pembangunan Luar Bandar dalam Buku Merah itu ada-lah sa-benar²-nya bukan rancangan tinggal rancangan sahaja. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong itu dudok di-Tanjong sahaja atau di-Pulau Pinang sahaja dan tidak pernah menjelajah ka-merata kampong, rantau, ka-hulu dan sa-bagai-nya, sa-bagaimana sahabat saya Ahli Yang Berhormat daripada Raub menyatakan tadi, apa-kah perubahan² yang telah kita dapati dan perolehi semenjak kita mencapai kemerdekaan.

Kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu pernah meninggalkan Pulau Pinang mithal-nya datang ka-kawasan saya ka-Jelebu-Jempol yang dahulu-nya hutan belantara, tidak ada masjid, tidak ada surau, tidak ada jalan raya dan sa-bagai-nya; maka tentu-lah Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong itu tidak akan berani mengeluarkan kenyataan² yang terlalu, sa-lama lebeh kurang dua jam sa-tengah di-dalam Dewan ini; menyekat Ahli² Yang Berhormat lain untuk memberi pendapat dan fikiran-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Yang Pertama ini, sa-bagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ada-lah rancangan raksaksa dan juga di-dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri itu ada di-sebutkan bahawa dalam lima tahun Rancangan Malaysia Yang Pertama itu, maka berpuluh² ribu ra'ayat Malaysia akan mendapat peluang berbagai² pekerjaan. Saya berharap dan saya menyeru serta merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, supaya di-antara berpuluh² ribu pekerja² yang di-ambil itu maka jangan-lah tinggalkan beratus² pegawai² yang mustahak untuk melaksanakan rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat bertimbang rasa di-dalam masa rancangan yang pertama Tanah Melayu di-jalankan dalam masa per-champoran, meshuarat, lawatan² ka-rancangan² dan sa-bagai-nya dengan pegawai² yang berkenaan di-peringkat² daerah dan negeri, maka kita dapati pada masa² yang sudah Pegawai² Daerah kita telah menjadi Manager estate atau pengurus ladang sekarang. Penolong Pegawai Daerah ada yang telah menjadi supervisor kerana kawasan atau pun rancangan pinggir dan sa-bagai-nya. Jadi dengan keadaan kerja mereka yang begitu penoh minat, ta'at setia dan sa-bagai-nya pada Kerajaan tidak mementingkan sama ada siang dan malam kerana ada masa. Tuan Yang di-Pertua, pegawai² itu balek pukul tujuh malam. Itu-lah sebab-nya saya katakan siang dan malam dan tidak juga mementingkan sama ada hujan atau panas, tetapi mereka itu tabah bekerja dan tujuan atau matlamat mereka itu tidak lain dan tidak asing bersama² untuk mengambil bahagian meninggikan taraf hidup ra'ayat Malaysia di-dalam negara kita yang telah Merdeka ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang menyampaikan sa-tinggi² terima kaseh dan ucapan tahniah kepada pegawai² yang berkenaan yang saya sebutkan tadi yang telah bersama² melaksanakan rancangan yang kita ketahui ada di-serata Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, dalam masa mendatangkan usul pindaan-nya ia-itu dengan menambah perkataan "equal and just" dengan lain² perkataan berma'ana bahawa rancangan Pembangunan Luar Bandar ini ada-lah di-berikan atau di-dapati ni'mat-nya oleh sa-bahagian atau sa-golongan kaum sahaja. Kata-nya Rancangan Luar Bandar itu tegas-nya hanya kaum bangsa Melayu sahaja yang dapat ni'mat atau faedah-nya dan tidak-lah kaum bangsa-nya sendiri yang dudok tegas-nya di-dalam bandar². Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir sekarang, tetapi saya suka-lah menyampaikan menerusi Dewan ini, mempersilakan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong itu datang ka-kawasan saya di-Jelebu-Jempol.

Bahawa di-kawasan saya di-Jelebu-Jempol bahkan ada khas satu rancangan tanah, ia-itu satu rancangan yang betul² akan meninggikan taraf hidup ra'ayat Malaysia ini, rancangan tanah berjumlah beribu² ekar khas kerana orang² kaum sa-jenis Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong itu, bukan datang daripada Luar Bandar tetapi datang daripada pekan Bahau, pekan Kuala Pilah dan pekan Kuala Kelawang. Jadi bagaimana-kah Ahli Yang Berhormat mengatakan rancangan ini tidak equal, tidak just, tidak sama rata dan tidak adil. Jadi sa-mata² sa-bagaimana kata sahabat saya Yang Berhormat daripada Raub tadi, sa-mata² menchari jalan bertemppek dalam Dewan ini hendak menggulingkan Kerajaan. Tetapi kalau hendak menggulingkan Kerajaan Perikatan bukan-lah dengan jalan mengambil masa yang begitu lama untuk menyatakan bahawa rancangan ini akan tinggal di-dalam rancangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa melaksanakan rancangan yang akan datang ini saya juga menyeru supaya Kementerian yang berkenaan akan mengkaji rancangan² yang telah lalu. Kerana saya perchaya, walau bagaimana pun, tidak dapat di-nafikkan rancangan² yang telah lalu ada silap dan khilap-nya dan di-atas kesilapan yang lalu itu-lah untuk kita mengambil

peranan untuk membaiki ranchangan raksaksa yang kita hadapi pada tahun 1966 hingga ka-hadapan. Dalam masa yang sudah², Tuan Yang di-Pertua, ranchangan² telah banyak di-buat, mithal-nya, ranchangan masjid, ranchangan surau, ranchangan tok kong, ranchangan temple kerana tempat sembahyang orang Hindu dan lain²-nya, jalan² jambatan dan sa-bagai-nya, hanya beberapa ribu ekar sahaja ranchangan tanah yang telah dapat di-buka. Pada masa yang ka-hadapan ini dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, saya berasa bangga kerana pembukaan tanah akan di-lipat ganda-kan, kerana dengan tanah-lah maka sa-benar²-nya ra'ayat akan dapat meninggikan taraf hidup-nya. Terima Kasah.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Enche' Jonathan Bangau anak Renang (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I rise to support the First Malaysia Five-Year Plan which is a good, realistic, bold and comprehensive Plan.

On page 144, I see that the Federal Government is very wisely concentrating on the major construction of roads in Sarawak. Sir, from what I can see, by the end of 1970, the network of roads will have been extended by about 435 miles. This is commendable. If this objective of road construction is achieved, the country will be benefited by the opening up of land along the roads. This will also solve the hunger of the poor landless farmers and planters who are clamouring for land everyday to help them in their daily struggle for a decent living. When these projects are completed, all the people will find employment. There are also many young people who are leaving school every year and who are prepared to work in the fields for their own living. If they are given a chance like this, many of them would not spend or waste their time hanging around coffee shops or in towns. As time goes on, they will prove to be good citizens of the country instead of falling on the wayside.

Yesterday, an Honourable Member from Sarawak complained that the Sarawak Government was giving forest

concessions, in the Fourth Division, to the people in the Third Division. I wonder what was really the cause for his complaint. Is he suggesting that the people from one Division should not invest in another Division that one district or town should not have any business dealing with another district or town, that they should confine their business to where they stay? If so, the Honourable Member is advocating the division of people within the State and a restriction of business opportunities. This, Sir, is a serious obstruction to the progress of a country as a whole.

Mr Speaker, Sir, my humble view is that in a new nation like ours, we should be more careful not to be provincial or communal minded in business as well as in politics. We must strive towards national unity and national consciousness. For, otherwise, we shall fall into the trap of our enemies. Mr Speaker, Sir, may be the Honourable Member was speaking of the events before Malaysia. Even during those earlier days, the Government allowed any people, who are interested in forest concessions, to submit their applications and the Government would always consider them before granting any forest concessions. Since Malaysia, this granting of concessions has been abolished and every piece of forest area is granted on a tender system which is fair and reasonable for all concerned.

Mr Speaker, Sir, I would like to touch on Education and Teachers Training. According to the provision under the First Malaysia Plan, the sum of \$400.8 million, representing 9.7% of the total Development Expenditure for the whole of Malaysia for the next five years, is allocated for Education and Teachers Training. This shows that the Central Government is giving particular attention to expand the educational facilities to meet the needs of the fast-growing school population.

Sir, the allocation of 45.6 million for Education in Sarawak under the Plan is welcome. For the first time the school fees in the primary schools in Sarawak will be waived in 1966. This will enable the poor parents to send their children to school.

Regarding the educational system in Sarawak, Sir, it is provided in the Inter-Governmental Committee Agreement that the present system of education in Sarawak will continue for 10 years after Malaysia Day. It means English will continue to be used as the medium of instruction in our Schools in Sarawak. This also applies to the official language in Sarawak. English will continue to be one of the official languages until 10 years after Malaysia Day. This does not mean any disrespect to the National language. The people in Sarawak are quite willing to learn the National language. This is evident in the National language adult classes which are well attended by the people of all races. But there is a shortage of teachers to teach the National language in Sarawak. Therefore, it is hoped that in teachers training, more National language teachers will be trained for Sarawak.

Thank you, Sir.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih. Saya bangun ini ia-lah menyokong dengan sa-kuat²-nya chadangan yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ia-itu Ranchangan Malaysia kita yang pertama, di-usahkan bagi di-ni'mati oleh seluroh ra'ayat jelata, tidak kira bangsa, rupa dan fahaman-nya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan kita mengusahakan ranchangan yang bagini, yang terutama, ia-lah hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat di-negeri kita ini, kalau boleh, biar-lah sama² meni'mati-nya supaya tidak ada kemiskinan di-dalam negara kita yang ma'amor ini. Dengan ini, Kerajaan senantiasia memberi segala kemudahan² dan kesenangan² melalui Ranchangan Lima Tahun ini.

Ranchangan yang pertama telah pun di-jalankan dengan jaya-nya, barangkali ada satu gulungan sahaja yang saya fikir, tidak suka ranchangan ini berjaya, yang senentiasia membangkang, tetapi menyokong apa² yang di-kemukakan oleh Kerajaan. Di-sini, saya suka memberi ingatan kepada

gulungan itu, ia-itu satu ranchangan yang Kerajaan bentangkan dalam Dewan ini, ia-lah sa-telah di-selideki, di-halusi dan lepas itu di-fikirkan munasabah, maka baharu-lah di-bentangkan dalam Dewan yang mulia ini, untok di-bahathkan. Itu-lah sebab-nya, sa-tiap pertanyaan, baik yang burok atau pun sa-balek-nya, dapat di-beri jawapan dengan segera, kerana sudah di-binchangkan, di-selideki, di-halusi dan sa-bagai-nya. Bukan-lah tujuan Kerajaan hendak mengemukakan sa-suatu Rang itu, membabi buta sahaja. Sa-tiap ranchangan itu hendaklah di-halusi lebeh dahulu—boleh-kah atau tidak di-jalankan? Kalau tidak, tidak-lah akan di-bentangkan kepada Yang Berhormat sakalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchakap banyak mengenai hal-ehwal Ranchangan Malaysia ini, tetapi saya suka juga membuat suatu fikiran membena kepada Kerajaan untok menjalankan Ranchangan Lima Tahun ini.

Terutama sa-kali, saya suka masok champor dan memberi ingatan kepada Kerajaan, ia-lah mengenai soal pelajaran. Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah puncha-nya kehidupan kita hari². Tidak ada pelajaran dan buta huruf, harus ra'ayat jelata tidak dapat hidup dengan sempurna atau pun boleh di-katakan hidup, tetapi tidak-lah begitu ma'amor. Mata pelajaran-nya yang akan di-pelajari bukan-lah satu mata pelajaran sahaja yang boleh mengelirukan ra'ayat, tetapi hendaklah dalam segala bidang. Ada sa-tengah gulungan pula yang mengatakan yang kita buat ini tidak betul, ia-itu yang betul itu tidak betul dan yang tidak betul itu betul, tetapi yang kita buat, yang di-katakan tidak betul itu pun, dia meni'mati bersama. Ini-lah dia orang-nya yang di-katakan ular kepala dua—di-sini mematok dan di-sana pun mematok. Saya tidak-lah hendak berchakap banyak dalam masaalah pelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya akan memberi peluang kepada sahabat² saya, Ahli Yang Berhormat yang lain memberikan fikiran-nya dalam hal ini.

Apa yang menjadi kemushkilan pada saya dalam Ranchangan Lima

Tahun ini, kita banyakkkan lagi biasiswa, terutama-nya sa-kali kapada bumiputera yang di-katakan "have not" ini. Kalau bumiputera yang di-katakan "haves" itu, tidak usah-lah, kerana mereka itu orang yang berkemampuan. Saya telah pun berchakap fasal biasiswa ini pada hari yang lepas, jadi tidak usah-lah saya panjangkan cherita-nya. Kalau boleh Kerajaan jalankan, sa-tiap anak bumiputera yang saya katakan "have not", yang otak-nya bagus, bergeliga, kita pupok dia dengan biasiswa—berbagai² biasiswa, sampai ka-akhir mata pelajaran-nya dan menchapai chita²-nya. Itu-lah jalan yang sa-baik²-nya untuk Kerajaan menolong-nya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pelajaran ini, sekolah² sa-bagai Teknikal Kolej, hendak di-tubuhkan lagi—jangan di-Kuala Lumpur sahaja. Hendak-lah di-tubuhkan di-tiap² negeri yang berkemajuan ia itu tarap hidup ra'ayat-nya ma'amor. Saperti, mithalan di-Kedah satu, di-Trengganu satu, di-Sarawak satu, dan di-Sabah satu. Dengan ada-nya kolej di-negeri² ini, maka bahara-lah senang sadikit orang² hendak menghantar anak²-nya yang boleh di-katakan tinggi juga daripada bangsa kita. Ini semua-nya hendak di-hantar ka-Kuala Lumpur, kalau Universiti itu patut-lah sebab dia itu kebangsaan, kalau banyak lagi College Technical ini di-tubuhkan di-negeri² lain saya fikir tidak sampai Rancangan Malaysia Yang Kedua habis tempoh-nya kita telah dapat mengeluarkan orang² yang boleh di-katakan berpelajaran kalau tidak dapat 100% untuk negara kita tetapi 75% boleh juga mengisi negara kita ini dan tidak kurang-nya berbagai² jurusan 'ilmu. Ini kalau di-tumpukan yang satu ini di-Kuala Lumpur ini sahaja bilakah kita akan dapat orang² yang ber-kelayakan technical? Berapa ratus sahaja yang boleh menampung pada satu tahun? Berapa ratus yang Technical College ini boleh mengeluarkan pemuda² yang betul² berkelulusan technical? Kalau banyak kita adakan Technical College maka banyak-lah kita dapat mengeluarkan bukan sahaja Technical College ini di-banyakkkan Technical Institute pun patut di-banyakkkan lagi kerana sekarang keba-

nyakan pekerjaan memerlukan pelajaran teknik, tidak lagi kerja² yang dudok di-atas meja sahaja. Shor saya ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah untuk iktisad negara juga. Kalau di-tubuhkan tempat² yang dekat² dengan pelajar itu belajar tidak-lah ibu-bapa merasa berat sangat menghantar anak²-nya. Satu daripada-nya belanja pun kurang sadikit, dan yang lebeh daripada pendapatan-nya itu boleh-lah di-panjangkan kapada anak²-nya yang lain. Jangan mithal-nya orang itu ada anak lima orang, dua orang sahaja yang dapat mata pelajaran yang tinggi, apa hal yang tiga lagi pula? Kita hendakkan supaya ka-lima² orang itu, kalau boleh, berpelajaran tinggi. Itu-lah tujuan Kerajaan kita.

Yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh sadikit ia-lah soal perburuhan di-negeri kita ini. Kita lihat buroh machine makin sa-hari sa-makin bertambah. Maka teringat-lah kapada kita tenaga manusia akan berkurangan kerana satu² machine jentera itu mengurangkan boleh jadi 20 atau 30 tenaga manusia. Apa yang di-harapkan dalam jangka lima tahun ini kita adakan banyak lagi peluang pekerjaan terutama sa-kali pemuda² yang di-katakan belia² yang berada di-luar bandar. Ini saya tengok pada hari ini buroh J.K.R. memerlukan tenaga kaum ibu daripada tenaga kaum laki², ini boleh kita lihat di-jalan² waktu membaiki jalan, yang menabor batu, yang mengangkat batu kebanyakan-nya kaum ibu. Saya ingat dasar kita ia-itu dasar buroh J.K.R. itu patut-lah di-ubah daripada yang di-bawa-nya daripada masa penjajah dahulu sebab dasar penjajah dahulu sukakan orang² Melayu ini dudok senang lenang di-bawah pokok atau pun tidor sa-lepas makan tengah hari. Tetapi sekarang kita menjalankan dasar sendiri patut-lah di-ubah dasar buroh ini, kalau kita teruskan bagitu susah-lah bagi kaum bapa nampak-nya hendak mendapatkan pekerjaan. Apa yang saya fikir kalau kaum ibu yang bekerja itu gajinya 2/3 daripada kaum laki², bayar-lah kapada kaum laki². Kalau di-katakan laki² itu tidak mahu gaji itu saya sanggup membawa orang² dari kawasan saya membuat kerja itu. Dasar

buruh di-dalam estate² juga patut diubah tidak memandang kulit sa-mata². Kalau di-katakan majikan itu yang mengambil-nya tetapi saya katakan, kalau Kerajaan menjalankan dasar tidak siapa yang boleh membantah-nya.

Mengenai soal perdagangan, Tuan Yang di-Pertua, soal perdagangan dan perusahaan saya fikir "Malay Participation in Commerce and Industries" patut-lah di-galakkan dengan lebih giat lagi pada masa yang akan datang. Dengan ada-nya Bank Bumiputera dan MARA, ra'ayat dapat memahami perdagangan yang sa-benar-nya. MARA juga sa-telah tertuboh-nya Bank Bumiputera ini jangan-lah pula mengharap-kan apa² pertolongan yang di-kehendaki oleh ra'ayat yang "have not" itu kepada Bank Bumiputera sahaja. Dia juga hendak-lah memainkan peranan yang penting juga di-dalam menolong bumiputera ini.

MARA College juga, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah di-perbesarkan lagi daripada yang ada sekarang yang melateh pemuda² bumiputera kerja² yang di-atas meja sahaja. Kerja² buruh hendak-lah juga di-tunjokkan dan di-ajar kepada ra'ayat di-luar bandar yang kurang pelajaran-nya saperti tukang² kayu, semen, besi dan lain² lagi. MARA College ini hendak-lah juga di-tubuhkan saperti saya katakan menubuhkan Technical College tadi, di-tubuhkan di-merata² tanah ayer kita ini. Saya pun ada tengok penuntut yang berkelulusan perburohan dari MARA College ini, dia sudah pandai membuat tali sabut tetapi sekarang dia bekerja sa-bagai driver kepada sa-orang tauke. Jadi mata pelajaran ini sia² sahaja di-ajar, buang duit sahaja. Apa yang kita harapkan penuntut² yang telah keluar daripada Sekolah Pertukangan Kayu mithal-nya, biar-lah dia keluar membuat atau bekerja dalam satu perusahaan yang sama dan kalau dia tidak mampu hendak membuka perniagaannya sendiri harap MARA akan mengikhtiarkan bagaimana dia boleh membawa atau membuka perusahaan-nya daripada mereka itu sendiri.

Import Export juga hendak-lah di-tunjokkan kepada anak bumiputera

yang boleh di-katakan buta langsung dalam perkara ini. Harap-lah Kerajaan dan perdagangan asing menunjokkan bagaimana chara-nya kepada bumiputera dan jangan-lah membisu sahaja. Kalau tidak bagaimana-kah kita hendak mentadbirkan negeri ini dengan aman? Kalau suatu gulungan itu mementingkan diri-nya sendiri sahaja sedangkan saudara²-nya yang lain berhempas pulas mengeluarkan peloh untuk mendapatkan sa-suatu yang mana boleh di-dapati di-buat dengan senang-nya.

Bahagian Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama pula, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh yang pertama sa-kali dalam bidang Sharikat Kerjasama. Apa yang saya fikirkan gerakan Sharikat Kerjasama ini patut-lah di-luaskan lagi tetapi tidak-lah Sharikat yang jenis jimat chermat dan pinjam meminjam itu, tidak usah-lah kita galakkan. Boleh kita galakkan tetapi hadkan lingkongan kawasan-nya, mithalan-nya satu daerah itu macham kata-lah satu daerah Pilehan Raya negeri atau State patut-lah di-adakan satu sahaja tidak banyak—banyak saperti apa yang saya tahu sekarang ini. Sharikat yang hendak di-tubuhkan hanya Sharikat yang akan memberi munafa'at dan keuntungan kepada iktisad sahaja di-tubuhkan. Sharikat yang mana di-katakan "dormant societies" itu patut-lah jangan di-lengahkan "Liquidation-nya". Kalau ada pun membuang wang ra'ayat sahaja dan juga masa pegawai-nya. Sharikat yang di-katakan membena kepada negara sahaja boleh-lah di-daftarkan. Dengan jalan ini tidak-lah membuang sangat tenaga Kerajaan dan boleh di-jalankan kepada aliran yang lain.

Mengenai Pertanian juga, Tuan Yang di-Pertua, saya akan shorkan kepada Kerajaan untuk membanyakkan lagi atau menggemarkan ra'ayat menanam buah²an negeri kita. Sekarang saya tengok buah² negeri kita sangat berkurangan dan buah² luar negeri telah melebehi buah² di-negeri ini masuk di-dalam negeri kita. Oleh itu saya harap Kementerian ini menjalankan pertanian ini dengan pesat-nya lagi bukan sahaja kepada buah²an

tetapi juga kepada barang² tanaman yang lain. Buah²an daripada luar negeri patut-lah di-sekat sedikit kemasokan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penerangan dan penyiaran apa yang saya harap Kementerian ini banyakk-an lagi "Civics Courses" kepada ra'ayat supaya ra'ayat sedar atas kewajipan-nya hari². "Civics Centers" patut-lah di-banyakk-an lagi dan pengetahuan² yang berguna dan jitu sahaja di-sharahkan dan tidak seperti perbualan di-kedai² kopi. Kalau mengenai politik yang di-sharahkan itu biar-lah fahaman politik yang berkemajuan membena pada masa yang akan datang dan lain-nya. Tidak-lah di-sharahkan politik kolot lagi dan zaman kita zaman jentera dan bukan zaman berunta lagi. Penerangan patut-lah juga di-tembosi di-segala cherok rantau dengan membuat penerangan kepada ra'ayat dengan serta-merta ia-itu bertindak dengan serta-merta.

Radio juga dalam penerangan ini tidak ketinggalan memainkan peranannya yang penting hendak-lah radio ini memberi penerangan² yang begitu maju chepat dan seperti ranchangan Pa' Awang sekarang ini kita dengar menghabiskan berbual² kesah orang dan berkebun atau membela kambing-nya sahaja. Hendak-lah juga di-fikirkan benda² yang lain² yang berjalan hari² di-tanah ayer kita ini.

Mengenai television, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah membuat gambar² yang banyak kepada kebudayaan kita hari² tidak kebaratan sangat, Saloran juga hendak-lah, kalau boleh, tiap² bahasa di-adakan saloran-nya sendiri seperti radio kita ia-itu Melayu, Tamil, English dan China.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan ini juga ia-itu bahagian Penerangan dan Penyiaran. Bahagian Penerangan melalui television saya suka mengshorkan kepada Kerajaan dalam Jangka Panjang ini elok-lah kita baiki lagi bahagian pentadbiran television ini. Television juga boleh memainkan peranan-nya membuat penerangan kepada ra'ayat jelata tidak kurang-nya daripada Radio dan Filem Negara. Apa yang kita kehendakkan di-sini ia-lah bahagian

berita-nya, biar-lah dengan jitu dan berita betul² di-katakan berita² kebangsaan negara kita. Dalam masaalah kita memajukan ka-arrah kemajuan ia-itu bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi, maka sudah tentu-lah sejak dari sekarang banyak berita² telah di-ambil dalam bahasa kebangsaan. Maka sudah sa-patut-nya-lah bahagian bahasa kebangsaan ini memang banyak kerja²-nya. Apa yang saya tidak puas hati dan mentelan di-hati saya, Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya ada peruntukan bagi Supervisor dan Reporters tetapi mereka ini boleh-lah di-katakan part time sahaja di-bayar \$25 sa-hari dan dalam jangka panjang kita ini hendak-lah kita mengambil pegawai² tetap dan tidak sambilan. Sambilan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah merbahaya kepada Jabatan Television ini juga dan juga tentu-lah bahagian Melayu ini banyak kerja² daripada bahagian² yang lain, maka sudah sa-wajar-nya-lah ia-itu siapa yang bekerja lebih itu di-timbangkan ia-itu harapan saya dalam jangka panjang ini harap-lah Pentadbiran Kementerian ini dapat di-betulkan—jangan chuma di-betulkan estimate²-nya sahaja.

Mengenai hal perumahan, dasar memberi rumah itu patut-lah di-ubah seperti yang ada sekarang ini ia-itu dasar \$300 sa-bulan bagi pendapatan itu. Saya fikir ini tidak boleh digunakan kepada negeri yang ma'mor seperti negara kita sekarang. Bukan dasar itu sahaja di-ubah, dasar pembahagian, dasar pembayaran, dasar harga dan banyak lagi dasar² patut di-ubah. Ini mengikut keadaan zaman kalau tidak hendak di-ubah dasar \$300 ini maka hendak-lah di-adakan satu lagi dasar ia-itu orang antara \$300 hingga \$600 sa-bulan, kalau tidak bagaimana orang² yang berpendapat di-antara \$300 sampai \$600 sa-bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu-lah yang dapat saya ucapkan pada hari ini dan yang lain² itu sahabat² saya yang lain boleh-lah memberi buah fikiran-nya yang membena dan sa-kali lagi saya tidak lupa menyokong Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini dengan mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengemukakan rancangan ini dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Enche' Ganing bin Jangkat (Sabah):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian berchakap dengan sa-chara ringkas dalam perbahathan Rancangan Malaysia Yang Pertama ini yang mana di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Tun Haji Abdul Razak dan rakan²-nya yang telah memberi bantuan kepada Sabah—sa-bagaimana yang kita tahu Sabah dan Sarawak di-utamakan dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lama kemerdekaan Sabah melalui Malaysia sudah dua tahun ini, ra'ayat Sabah bertanya² apa-kah ne'mat yang mereka dapati di-dalam kemerdekaan melalui Malaysia? Tetapi dengan ada-nya Rancangan Malaysia Yang Pertama ini saya perchaya ra'ayat Sabah sedar bagaimana Kerajaan Perikatan menjunjukkan kepada dunia luar yang mana sungguh pun negeri kita di-ancham oleh Indonesia, tetapi Kerajaan Perikatan Malaysia terator dan berjalan dengan baik untuk ra'ayat-nya. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di-Sabah, kemajuan² yang kita dapati di-luar bandar sangat tidak memuaskan dan ini berkenaan kerana jawatan, Kuasa Luar Bandar atau Pegawai² Daerah-nya tidak menjalankan tugas² yang memuaskan yang sa-benar-nya ia-lah oleh kerana kekurangan wang.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat di-luar bandar yang mereka sa-lalu mendesak kepada wakil² mereka ia-lah jalan² raya, jambatan, sekolah², kelinik dan sa-terus-nya bantuan untuk modal berkenaan ternakan, perikanan dan pertanian juga dalam bidang perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, erti kata yang saya sebutkan di-atas tadi bukan-lah langsung tidak ada sama sa-kali yang telah di-buat di-Sabah, tetapi tidak sa-bagaimana kita dapati di-Malaya ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rancangan Malaysia Yang Pertama ini

ra'ayat seluroh Malaysia tentu sedar dan patoh kepada Kerajaan Perikatan kita yang saya perchaya pilehan raya yang akan datang tetap Kerajaan Perikatan juga yang memegang teraju pemerentahan kerana ra'ayat nampak bokti² yang di-kerjakan oleh Kerajaan Perikatan untuk kesenangan dan kema'moran ra'ayat sa-luroh-nya.

Yang akhir sa-kali Tuan Yang di-Pertua, saya sokong penoh Belanjawan Rancangan Malaysia Yang Pertama ini yang mana di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, Terima kasih.

Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak):

Mr Speaker, Sir, in supporting the motion moved by the Honourable Deputy Prime Minister, I would like, first of all, to congratulate him for his far-sightedness in introducing the First Malaysia Plan, which is designed to make Malaysia a more united, prosperous and happier country to live in, not only for the present generation but also for the generations to come. The Plan, when implemented, will lay down a strong foundation as the first phase of the twenty-year prospective Plan will bring about striking changes in our society and economy. The Plan demonstrates to the world that in the face of Indonesian aggression Malaysia is determined, not only to survive but also to better the lot of its people.

Sir, I would now make my observations on certain items concerning Sarawak. Sir, we are grateful for the allocation of \$464 million under the First Malaysia Plan showing that the Central Government is making a tremendous effort to improve the economic development and to raise the living standards of the peoples in the Borneo States.

Agriculture: Sarawak is an agricultural country. About 78% of economically active people in Sarawak are engaged in agriculture. Yet, half of the rice consumed in Sarawak is to be imported. This is due to the poor methods of cultivation employed by the people in Sarawak. For example, the great majority of the natives in the

rural areas in Sarawak are engaged in production of hill padi by shifting cultivation methods, which are primitive, and as a result the yields are poor—approximately 150 *gantangs* per acre against 399 *gantangs* per acre in Malaya. What the rural population in Sarawak gets from the harvest from their padi farms is inadequate to meet their needs, and their standard of living as a whole is very low. In order to increase production and to raise the standard of living of the rural people in Sarawak, it is necessary to improve their methods of cultivation. In this connection, I am glad to say that there is provision in the Plan to establish an Agricultural College, either in Sabah or Sarawak, whereby people of these two territories can be trained as agriculturists who will be useful to advise and assist the farming community on the methods of cultivation and other things.

Sir, in his speech, the Honourable Deputy Prime Minister said that measures are being taken to promote an efficient system of settled cultivation and that many new land settlement schemes have been established in Sarawak. Sir, efforts should be made more vigorously along this direction to encourage more settled cultivation, so as to substitute the shifting cultivation methods in order to increase their yields. In Sarawak, we have an abundance of wet padi land along the coastal and riverine areas. If drainage and irrigation system is introduced, the production of wet padi will increase greatly.

Another point, Sir, which is important in connection with the increase of agricultural productivity in Sarawak is to make land available for the landless. Unless this is done, one may find that millions and millions of acres of land are not being used while sections of the farming community are found land-hungry.

Education: With your permission, Sir, I would read out an extract from the First Malaysia Plan, page 168, under the heading "Secondary Education" concerning the provision of secondary education in Sarawak. I

quote: "In Sarawak the policy will be to provide places in Government or Government-aided schools for about 30% of those who complete their primary education." Sir, only 30% of those who complete their primary education will find places in Government or Government-aided secondary schools. What about the remaining 70% of the primary school leavers whose ages are about 12 or 13 and who are too young to take up any employment? In Malaya, under the First Malaysia Plan, all students completing primary education will be offered a further three years of education in lower secondary classes where the pupils will be taught vocational, technical and agricultural subjects, so that they can be better-equipped in life and to fit into society when they leave school. I wish to point out, Sir, when taxation in Sarawak is normalised, the people there will certainly demand the same treatment as in Malaya. Therefore, the provision for secondary schools in Sarawak to cater for only 30% of primary school leavers for the next five years is inadequate and I would suggest for the serious consideration of the Honourable Deputy Prime Minister the formulation of a scheme to provide post-primary education with an agricultural bias for Sarawak.

Health and Family Planning: It is heartening to note that under the First Malaysia Plan, the sum of \$17.6 million is allocated for the establishment of new hospitals in Sarawak. The biggest project in the first phase is the first phase of the new Sarawak General Hospital in Kuching with 300 beds in the first instance, and eventually 570 beds. In view of the acute shortage of doctors in the existing Sarawak hospitals, I would suggest to the Honourable Minister of Health to look into the staffing problem more seriously in the light of future expansions of health facilities in Sarawak.

Now, Sir, on the question of family planning, while efforts are being made by the Government to raise the *per capita* income and to provide better social services for all, it is necessary to limit the population growth and the

establishment of a National Family Planning Board, if desirable.

Road Construction Programme: Road construction is vitally important for the growth of a nation, particularly in connection with rural development. We welcome the allocation of \$80 million for Sarawak road development expenditure for 1966-70. By 1970 the road network in Sarawak will have been expanded by about 435 miles to connect the main towns in Sarawak.

Port Development: Owing to the steady increase of tonnage of cargoes handled by the Kuching Port during the past few years, there is now congestion at Kuching Port. Vessels calling at the Port often have to wait for two or three days before the cargoes could be unloaded. This unsatisfactory condition is beyond the control of the Kuching Port Authority who has done everything possible to expedite the movement of vessels at the Port. In order to relieve the congestion, additional wharf facilities are required for Kuching Port. So, the allocation of \$21 million for Kuching and Sibuan ports is timely for their needs, and the work for the additional wharf capacity in Sarawak should be given top priority in order to ensure the free flow of trade in that State.

Low-Cost Housing: Sir, I have raised more than once the question of low-cost housing, particularly for the lower income groups in the urban areas in Sarawak, but no result has been achieved. However, I am glad to note that there is a provision of \$7.5 million for low-cost and other housing projects in Sarawak for the next five years.

In conclusion, Sir, I would like to quote what our Honourable Prime Minister has said in the Foreword to the First Malaysia Plan:

"The key to progress and prosperity lies not in satisfaction with what we have already achieved but in a firm determination to make ever greater efforts in the future. The next few years will be crucial in the history of Malaysia. All Malaysians need to redouble their efforts to sustain economic growth and development in the face of the many complex problems and challenging tasks ahead."

Sir, I would appeal to all Malaysians, who have the welfare of the nation at

heart to take heed of the exhortation of our Prime Minister and with a firm determination to redouble our efforts to make the First Malaysian Plan a success. Thank you.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengambil bahagian sedikit di-dalam perkara Rancangan Malaysia Yang Pertama yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-hadapan Dewan ini sa-malam. Pada keseluruhan-nya, pada pendapat saya, dan pandangan saya sendiri, ia-itu ialah kandungan di-dalam Rancangan Lima Tahun Yang Pertama ini ia-lah memenohi kehendak ra'ayat jelata yang ada di-dalam negara Malaysia pada hari ini. Walau bagaimana pun kita telah mendengar beberapa perkataan yang telah di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Bungsar dan pagi tadi daripada Ahli Yang Berhormat daripada Batu yang mengatakan, kalau-lah sa-kira-nya perjalanan rancangan ini tidak di-kelolakan dengan sa-baik²-nya, barangkali boleh tergendala dan boleh gagal. Sahabat saya daripada Kota Star Selatan pagi ini tadi telah mengatakan di-hadapan Dewan ini, ia-itu apa juga rancangan yang di-jalankan dan rancangan² ini maseh berjalan sa-memang-lah di-adakan di-tiap² negara walau pun negara itu sudah pun maju atau pun belum maju, tetapi ia-lah bergantung kepada tiga segi.

Kunchi yang boleh mendatangkan hasil baik itu ia-lah di-pegang oleh tiga parti atau tiga bahagian. Yang pertama-nya ia-lah Kerajaan sendiri yang telah mengadakan rancangan dan wang hendak menjalankan rancangan itu. Yang kedua-nya kaki-tangan Kerajaan yang menjalankan, sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan pagi tadi, ia-lah bergantung kepada kejujuran orang² Kerajaan sendiri ia-itu Civil Service. Yang ketiga-nya pada perasaan saya tidak-lah kurang bebannya ia-lah terletak kepada ra'ayat jelata negeri ini sendiri yang hendak mengadakan semangat menolong diri

sendiri. Kalau sudah tidak ada kerjasama di-antara tiga pihak ini, mana² ranchangan sa-kali pun boleh jatuh dan gagal.

Sa-lepas daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak mengatakan di-sini, sa-memang-nya-lah saya akan membantu dan menyokong dengan sa-penoh-nya Ranchangan Malaysia Yang Pertama, yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan juga dengan yang demikian saya juga membangkang usul yang telah di-bawa ka-tengah oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong yang meminta pindaan ia-itu dua perkataan di-buboh ia-itu just and equal ('adil dan sama). Apabila di-pandang kepada plan yang ada di-sini sudah sa-memang ada ke'adilan dan sudah sa-memang ada sama, tidak memikirkan warna kulit, ugama, keturunan asalkan orang² yang hendak menerima ranchangan itu ia-lah warga-negara di-dalam negara kita ini.

Kalau-lah sa-kira-nya benar, buat kata Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong sa-malam, ia-itu perkara ke-'adilan itu tidak ada, saya sendiri suka-lah macham Ahli Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol tadi mengatakan mari-lah menjelajah di-mana² juga ranchangan² Kerajaan yang ada berjalan sekarang di-dalam kawasan saya pun ada di-untokkan dengan tentunya kepada bangsa yang sa-rupa dengan Ahli Yang Berhormat (dari Tanjong itu dan juga kawasan yang di-untokkan khas untuk orang² yang berketurunan sa-rupa dengan Ahli Yang Berhormat) daripada Bungsar, dan tidak champor dengan anak² Melayu, yang sa-memang jadi bumi-putera di-dalam negeri ini. Jadi, kalau sa-kira-nya begitu pun tidak juga 'adil dan tidak juga sama—saya ta' tahu-lah apa ta'arif atau pun ma'ana-nya yang boleh di-lekatkan kepada perkataan 'adil dan sama.

Kemudian daripada itu saya suka-lah hendak menyentuh sedikit di-antara perkara yang telah di-masokkan dalam ranchangan ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan ia-lah kehasilan daripada harga bijeh dan harga getah ia-lah

dua perkara yang telah menjadi puncha hidup kepada negara kita sekarang dan pada masa yang akan datang. Maka puncha² yang tersebut itu harus menjadi berkurangan dan tirus pada masa yang akan datang. Maka dengan sebab itu hendak-lah kita menjalankan beberapa ranchangan yang baharu, yang boleh menjadikan kehasilan yang baik kepada negara dan di-situ juga Yang Amat Berhormat telah mengemukakan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ia-itu perniagaan dan perusahaan yang lain, seperti balak dan kayu-kayan di-negeri ini, hendak-lah di-gunakan untuk menjadi satu daripada kehasilan bagi negara.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini saya rasa patut dan boleh di-ambil lagi bahagian tatkala kita membincangkan Treasury Memorandum pada hari yang kemudian kelak, tidak-lah payah saya hendak mengambil perkara² dengan kata sa-chara detail, kerana perkara itu akan di-bincangkan sa-mula dalam Committee dalam Dewan yang berbahagia ini. Tetapi pada perasaan saya patut juga saya kenangkan di-sini ia-itu soalan pekerja² atau pun buroh yang tidak ada kerja dalam negara kita ini ia-lah satu soalan yang patut di-timbangkan pada masa sekarang kerana dari sa-tahun ka-satahun soalan ini ada-lah terlebih besar daripada tahun yang sudah, kerana terlebih ma'alum kepada semua Ahli² Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang Berbahagia ini ia-itu pada tiap² tahun sekolah² kita mengeluarkan di-antara 70,000 sampai 100,000 kanak² yang bukan semua-nya boleh masuk menchari kerja atau pun lapangan hidupnya dalam Jabatan Kerajaan atau dalam lapangan perniagaan dan sa-bagai-nya. Jadi, nasib pemuda² yang sa-macham ini ia-lah bergantung

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak chukup—ada 23 orang sahaja tidak sampai 25 orang pun—di-sabelah sana 12 dan sa-belah sini 11.

(*Divisional bell rung: quorum counted: 26 Members present*).

Dato' Dr Haji Megat Khas: Maka dengan hal yang demikian, Tuan Yang

di-Pertua, nasib kanak² dan pemuda dan pemudi yang keluar daripada sekolah ini nampak-nya daripada setahun ka-satahun makin bertambah kusut dan malang, dan sa-kira-nya Kerajaan boleh memandang dengan teliti dan dengan dalam di-atas soalan ini barangkali boleh-lah pada masa hadapan kita arahkan kepada orang² yang sa-macham ini daripada pekerjaan yang membena negara. Pada hari ini anak² muda kita yang telah pun keluar daripada bangku sekolah yang mendapat sijil mithal-nya, Sijil Rendah atau pun yang lebeh tinggi, tetapi ta' dapat kerja kerana tidak ada lapangan, maka mereka ini boleh di-katakan di-sini pun tidak, di-sana pun tidak, jadi sampah masharakat sahaja, dudok di-kedai², dudok di-tempat permainan, bukan pula mahu pergi bekerja dalam kampung² atau di-ladang² atau menolong ibu-bapa-nya—tidak begitu. Jadi, kalau sa-kira-nya dapat-lah kita pandang daripada segi hendak membaiki nasib mereka itu, saya akan menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan dengan sa-chara ringkas ia-itu dalam ranchangan ini juga kita telah mengadakan beberapa ranchangan hendak membolehkan dan menyenangkan orang Islam kita pergi naik haji. Tidak berapa lama dahulu, saya rasa, sahabat saya dari sa-berang sana telah bercherita dalam perkara ini dan juga beberapa orang Ahli dari sa-belah sini juga telah mengatakan ia-itu perjalanan Tabong Haji ini tidak begitu baik pada masa sekarang dan tidak memuaskan hati. Saya berchakap di-sini bukan-nya membangkang bahkan ia-lah kerana hendak membena dan yang mana patut perkara² yang di-beri tegoran di-tegor dengan ikhlas walau pun Tuan Yang di-Pertua sendiri mengatakan ada-lah satu orang Ahli Dewan ini yang baik itu ia-lah berchakap dengan memasokkan lidah-nya ka-dalam pipi-nya.

Saya perchaya ia-itu ada rungutan daripada orang² Islam di-dalam negeri ini ia-itu perkhidmatan Kerajaan kerana menyelenggarakan perkara hendak naik haji ka-Mekah tidak-lah begitu baik, kerana kapal-nya, bak kata Ahli Yang Berhormat daripada Bachok

kelmarin itu, sudah lama, walau pun cargoship yang tidak di-pakai lagi di-gunakan bagi membawa orang² haji kita ka-sana—walau pun betul-kah begitu atau pun tidak, saya sendiri pun tidak tahu, kerana saya tengok kapal *Kuala Lumpur* itu chukup bagus, ada air-condition begitu bagini, tetapi saya perchaya ia-itu sa-lama kita tidak ada mendirikan sharikat kapal kita sendiri barangkali banyak-lah kesusahan dan kesulitan yang akan juga di-alami oleh orang² kita yang ingin hendak naik haji.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentoh sedikit dalam perkara peranchang keluarga. Banyak-lah telah kita dengar dalam Dewan ini perkataan² daripada segi ugama yang mengatakan perkara itu harus di-jalankan dan daripada segi yang lain ia-lah kerana ekonomi patut sangat di-jalankan. Tetapi saya berasa hairan, kalau-lah sa-kira-nya negara kita ini suroh ra'ayat jelata mengadakan ranchangan keluarga tetapi orang² yang masok daripada luar negeri tidak di-sekat, apa guna-nya kalau orang² kita mesti menjalankan ranchangan keluarga itu? Saya perchaya dan telah di-beri faham ia-itu pakar² yang datang daripada luar—daripada merata² negeri dalam dunia ini apabila masok ka-negeri ini, berasa bahawa dia masok dalam shurga dunia. Tidak ada negeri dalam dunia ini, kata mereka itu juga, yang begitu lebeh ma'amor, yang lebeh baik, dan orang-nya lebeh timbang rasa daripada orang dalam negeri lain dan kalau sa-kira-nya boleh, tidak hendak balek-lah, kalau dapat hendak bermastautin dudok di-sini sa-lama²-nya. Maka permintaan itu dengan ada atoran-nya, sampai lapan tahun dudok dengan tidak berputus² dalam negeri, mereka boleh meminta taraf kera'ayatan dan menjadi warga-negara ini dan dengan sebab itu ada-lah hiba kepada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, soal-nya kalau orang itu datang masok, kena apa kita hendak menahan keluarga kita berkembang dengan sebab kita berkehendakkan pendapat itu lebeh atau pun national income kita naik dan juga taraf hidup kita naik. Saya sendiri ma'alum-lah sa-bagai satu

orang yang telah bertindak dalam perkara ranchangan keluarga ini, saya telah mengatakan di-dalam rumah ini juga ia-itu pada tiap² 24 jam di-seluruh dunia ini 320,000 orang yang di-lahirkan dan dalam masa itu juga 160,000 orang yang meninggal dunia. Jadi bila di-tolak lebeh-nya dan untong-nya 160,000 orang pada satu hari dan telah di-kira oleh pakar² dalam perkara ini ia-itu kalau sa-kira-nya pada tiap² 24 jam kita mempunyai tambahan yang berjumlah 160,000, tidak dapat tidak di-dalam 20 atau 30 tahun yang akan datang, orang² di-dalam dunia ini akan berjumlah dua kali ganda daripada yang ada pada hari ini. Jadi tentu-lah sa-kali apa juga ranchangan hendak memajukan segala kemajuan yang ada dalam negeri ini boleh dan mungkin menjadi gagal kalau sa-kira-nya orang yang berkembang tidak dapat di-tahan. Jadi saya dengan sendiri-nya mengatakan di-sini, saya sa-orang daripada orang yang suka mengadakan peranchang keluarga ini, kerana sudah memang di-harus oleh shara' dan baik pada hukum akal dan hukum adat.

Perkara yang ke-empat, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menyentoh sedikit, sunggoh pun saya beruchap banyak kali di-dalam Rumah ini, ia-itu berkenaan dengan pelajaran tinggi. Tadi, hari ini juga, kita telah mendengar bersama² banyak rayuan² dan permintaan² daripada Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap terdahulu daripada saya, meminta, kalau boleh, biar-lah anak² kita di-dalam negeri ini di-beri segala bantuan yang boleh di-beri bagi menyelenggarakan pelajaran yang tertinggi. Pada masa persidangan Rumah ini pada kali yang sudah, saya telah menyatakan, kalau-lah kita pandang di-dalam University of Malaya yang ada di-Kuala Lumpur pada hari ini ia-itu di-antara 2,200 (lebeh kurang) murid² yang masuk ka-situ, berapa orang anak Melayu—tidak lebeh daripada 1/5. Jadi dengan sebab yang demikian kemundoran² orang² Melayu tidak boleh di-betulkan. Kalau-lah sa-kira-nya tidak kita tunjukkan, kita beri perangsang kepada anak² Melayu yang boleh menchapai pelajaran yang tertinggi itu, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sendiri

ma'alum, orang Melayu miskin, dhaif, dia tidak mempunyai harta² yang boleh menjalankan hasrat dan tujuan hendak memberi anak itu berpelajaran tinggi. Kalau tidak ada dengan bantuan biasiswa—tidak dapat, bukan-lah chara² orang² yang lain yang sa-memang-lah dia berkhidmat kepada anak-nya kerana itu-lah satu daripada pusaka yang di-berikan-nya yang tidak boleh luput pada penghidupan anak-nya pada hari yang kemudian. Kalau-lah kita sa-kira-nya berniat dan sa-benar-nya berikhtiar hendak menjalankan chara² hendak memajukan bangsa, dalam lapangan pelajaran ini-lah tempat-nya yang boleh kita menjadikan segala ikhtiar² itu berguna dan berkesan.

Pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Batu telah mengatakan ia-itu, saya daripada kawasan Kuala Kangsar, dan Ahli Yang Berhormat daripada Pontian Selatan dan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan, telah mengatakan ia-itu pendapatan keseluruhannya bagi orang² di-kampong² dudok di-luar kawasan bandar tidak melebehi antara \$40-\$50 pada tiap² bulan dan ini telah di-nyatakan-nya ia-itu memberi dalil yang telah di-terangkan-nya yang pendapatan atau national income atau pun pendapat pada tiap² sa-orang dalam negeri ini tidak boleh lebeh daripada yang di-kehendaki, walhal di-dalam ranchangan lima tahun yang kita hadapi ini, tujuan Kerajaan ia-lah hendak membolehkan tingkatan pendapatan itu meningkat sa-hingga \$1,400 atau \$1,500 pada tiap² sa-orang—sa-kepala. Di-sini saya tidak-lah hendak berchakap panjang kerana apabila kita ambil dengan chara baik, kata orang puteh "Cross Section", ada beberapa bilangan manusia itu dengan kerja yang senang boleh mendapat pendapatan yang tinggi dan beberapa pula bilangan dengan kerja yang sangat susah, menitekkkan peloh dan memerah segala tenaga, tetapi hendak melangkah sampai \$50 ka-atas atau sampai \$100 sa-bulan—tidak dapat. Ini mesti-lah kita terima angka² itu elok di-atas kertas nampak-nya, kerana national income itu ia-lah pendapat bagi sa-buah negara dan apabila di-jumlahkan kemudian di-bahagi

dengan beberapa kepala orang yang dudok di-dalam negara, baharu-lah dapat national income tetapi fallacy. Kejatohan-nya di-sini ia-lah dia chuma tinggal pada angka dan bukan-nya pada wang pendapatan yang di-dapati oleh tiap² orang itu. Ada orang yang mendapat dalam sa-bulan \$10,000, \$60,000, \$100,000—ada yang mendapat chuma \$40, ada yang dapat pertengahan. Tetapi walau bagaimana pun tujuan kita melancarkan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini ia-lah hendak membolehkan tiap² sa-orang itu mendapat pendapatan yang lebih tinggi daripada yang ada. Dan di-situ juga saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita kerana ada-lah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini, pada pandangan saya, ada-lah berpandangan jauh dan saya ulang sa-kali lagi meliputi segala kehendak² dan hasrat ra'ayat jelata di-dalam negeri ini dan dengan ada-nya tiga perkara yang saya sebutkan tadi—wang daripada Kerajaan, kakitangan Kerajaan yang menjalankan dan sambutan baik daripada ra'ayat jelata sendiri—nampak-nya tidak-lah ada perkara yang boleh menjadi halangan kepada perjalanan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini menuju kepada penghasilan yang baik dan jujur, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh di-atas usul yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan ini pada pagi sa-malam oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya menentang usul pindaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat wakil dari Tanjong kerana saya memandang, Tuan Yang di-Pertua, bahawa usul yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini oleh wakil dari Tanjong itu ada-lah satu usul yang sa-mata² hendak mengelirukan fikiran ra'ayat barangkali-lah dengan sebab dua kerusi Perikatan telah kalah, tetapi kalau dengan hanya dua kerusi tentu-lah tidak kudis apa² pun bagi Parti

Perikatan, dan beliau chuba-lah hendak memancing lagi dengan membuat tuntutan supaya menjalankan ke'adilan tetapi apa yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan pada hari ini sudah lebih daripada ke'adilan. Saya tidak mengerti, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah ke'adilan yang di-kehendaki oleh wakil dari Tanjong itu. Ada-kah ke'adilan yang di-kehendaki oleh wakil dari Tanjong itu supaya orang² yang bukan daripada bangsa Melayu memberikan lagi hak²-nya? Tetapi kalau beliau sanggup begitu, saya kata, kalau orang² yang bukan daripada bangsa Melayu mahu memberi hak² itu tentu-lah satu jalan adil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi harus-lah mereka tidak mahu hendak memberikan berbagai bank² yang berjalan berselerak pada hari ini tentu-lah mereka itu tidak mahu hendak bagi benda² itu. Jadi, oleh sebab itu saya memandang usul ini ada-lah satu usul yang tidak logik dan tidak mustahak. Saya dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada terbit-nya Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ra'ayat banyak-lah tertunggu² dan ternanti² apa-kah kandungan dan butir² yang akan di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu. Berapa banyak wang yang akan di-gunakan di-dalam melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu, tetapi manakala telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baharu-lah kita sama² dapat tahu bahawa di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-itu 1966 hingga sampai 1970 yang mana di-dalam-nya akan memakan belanja \$10,500 juta. Saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah wang yang banyak kalau di-ator sapuloh² ringgit di-buboh di-atas jalan raya di-dalam Malaysia ini barangkali harus juga akan sampai ka-Sabah, begitu juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-belum daripada mengemukakan usul ini, telah juga membuat penjelasan menyeru kepada negara² yang chintakan aman damai supaya membantu Malaysia di-dalam Ranchangan Malaysia Yang

Pertama ini. Pada keseluruhannya ranchangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati berjaya tidak-nya ranchangan ini ada-lah bergantung kepada keadaan negara kita atau kedudukan negara kita berhubung dengan konfrantasi pada hari ini. Jika sa-kira-nya konfrantasi yang telah dilancarkan oleh Indonesia itu gagal, maka sudah tentu-lah bahawa wang yang bagini banyak-nya dapat-lah kita memasokkan ka-dalam pembangunan negara kita.

Di-dalam masaalah yang tersebut atau dalam masaalah konfrantasi tadi, saya dapati sunggoh pun perbelanjaan di-dalam ranchangan ini perbelanjaan yang paling banyak sa-kali ada-lah berkenaan dengan Pertahanan, tetapi saya memandang, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun banyak wang yang akan di-gunakan di-dalam pertahanan tetapi tidak menchukupi. Kerana sa-bagaimana yang saya telah sebutkan tadi bahawa kegagalan atau kejayaan kita di-dalam melaksanakan ranchangan ini ada-lah bergantung kepada kedudukan kita dengan Indonesia. Kalau kita baca dalam surat khabar dalam dua tiga hari ini, sudah nampak-lah bahawa Indonesia telah gagal di-dalam konfrantasi-nya sa-chara menyerang Malaysia dan mereka itu chuba-lah hendak bermain ia-itu dengan satu tektik yang lama, satu tektik yang lapok satu tektik divide and rule hendak pechah, ia chuba hendak memecahkan Sabah, hendak memecahkan Sarawak, hendak memecahkan Malaysia, hendak memecahkan Singapura. Ini saya memandangkan ada-lah sa-bagai satu laksana atau satu tektik yang lapok yang tidak laku lagi. Maka dengan sebab itu chara² yang akan di-lancarkan oleh Indonesia, ia-itu chara serangan politik terhadap Malaysia pada hari ini, maka sudah tentu-lah akan gagal dan apa yang telah di-chita²kan, yang di-idami² oleh Indonesia hendak menchari perdamaian dengan Malaysia dengan chara lapok, maka sudah tentu-lah kita tidak akan menerima. Di-dalam begitu pun, Tuan Yang di-Pertua, ada dalam masaalah Pertahanan ini, apa yang saya telah sebutkan ia-itu kita banyak berkehendakkan lagi wang

untuk menyelenggarakan Pertahanan. Walau pun pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Singapura telah pun berpisah dengan kita, tetapi kita jangan lupa bahawa Singapura itu ada-lah sa-bagai Gibraltar bagi Malaysia, ada-lah Singapura itu sangat penting bagi kita walau pun banyak fikiran² yang telah memandang sepi kedudukan Singapura tetapi bagi saya atau pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang bahawa Singapura ada-lah sa-bagai Gibraltar, Selat Melaka ada-lah sa-bagai Selat Gibraltar bagi kita. Maka dengan kerana itu saya memandang bahawa soalan pertahanan laut kita ada-lah sangat penting. Kerana Selat Melaka di-anggap shipping bottleneck bagi kapalan perdagangan seluruh dunia sa-panjang 600 batu, lebar hanya 60 batu, 90 peratus perniagaan timor jauh ada-lah melalui Selat Melaka dengan perdagangan yang berlaksa juta ringgit dan tidak kurang daripada 12,000 buah kapal singgah berlaboh di-pelabuhan Singapura.

Mr Deputy Speaker: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 6.00 p.m.

Sitting resumed at 6.20 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya berkenaan dengan usul Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-itu masaalah yang penting di-dalam melaksanakan usul ini ia-lah berhubung dengan pertahanan. Sa-bagai mana yang saya sebut bahawa Selat Melaka ada-lah merupakan satu selat yang penting bagi Malaysia yang mana beribu² buah kapal melalui Selat Melaka menuju Jepun, Philipina, Taiwan, Australia dan lain² pelabuhan yang penting di-Timor Jauh. Sa-bagai mana saya sebut tadi, Singapura memang penting bagi Malaysia juga bagi dunia bebas dan dunia komunis. Kita jangan-lah anggap sepi atau Singapura tidak boleh hidup jika mereka tidak mengikat perhubungan dengan Malaysia. Ramalan saya bagi masa yang akan datang, Singapura

akan menjadi arena politik di-antara block kominis dan block yang bukan kominis. Bagi pihak kominis memang menjadi idaman chita² mereka sa-lepas Vietnam matlamat-nya ka-arrah Thailand dan Malaysia. Tujuan-nya mahu menyekat perjalanan kapal² perniagaan di-Selat Melaka. Bagaimana Indonesia memang sudah chuba hendak menghapuskan nama Selat Melaka dan mahu menjadikan sa-bahagian daripada Selat Sunda.

Mr Speaker: Saya ingat tidak chukup bilangan.

(Divisional Bell rung, quorum counted; 26 members present).

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Yang di-Pertua, bagi kita pula, Selat Melaka ada-lah nyawa bagi Malaysia. Pertahanan Selat Melaka hendak-lah mendapat keutamaan yang pertama. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, daripada anggaran yang telah di-bentangkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, nyata-lah bahawa pertahanan Malaysia maseh berkurangan terutama sa-kali di-dalam Pertahanan Laut di-Selat Melaka. Kepentingan Selat Melaka bagi Malaysia sama-lah seperti kepentingan British terhadap Selat Gibraltar dan Selat Melaka bukan-lah sahaja penting bagi Malaysia namun bagi Kerajaan British, Australia bersama. Apa² lagi bagi Amerika Sharikat, Selat Melaka merupakan satu perjalanan Armada Amerika yang pernah selamat daripada Lautan Pacific ka-Lautan India, daripada melalui Selat Gibraltar dan Terusan Suez. Dari itu ada-lah lebih adil jika Kerajaan Amerika Sharikat mengambil bahagian yang lebih besar bagi membantu kewangan Malaysia dan membesarkan angkatan laut Malaysia. Juga Amerika Sharikat harus sanggup melateh pemuda² Malaysia dalam angkatan laut-nya.

Dato' Yang di-Pertua, Amerika sendiri telah mengetahui yang tujuan² kominis yang mana Sukarno sendiri telah berterang² menentang Amerika Sharikat dengan sanggup menerima bantuan sa-banyak \$650 juta daripada Soviet Union termasuk dua buah kapal perang besar dan 175 MIG Jet, manakala tiga juta anggota Parti-

Kominis Indonesia telah pun melancarkan rampasan kuasa baharu² ini dengan mendapat bekalan senjata daripada China Kominis. Oleh yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan Pertahanan yang di-bentangkan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama maseh tidak mengchukupi bagi membesarkan Angkatan Laut Malaysia untuk mengawal Selat Melaka daripada anchaman kominis. Malaysia sendiri sudah pesti tidak dapat membelanjakan atas pertahanan yang begitu besar untuk melengkapkan pertahanan Selat Melaka hanya dengan bantuan bersama daripada Kerajaan British, Australia, New Zealand, Canada dan Amerika Sharikat sahaja-lah sa-moga chita² kominis dapat di-hanchorkan. Ada-lah di-harap Amerika Sharikat mesti sanggup memberi bantuan istimewa kepada Angkatan Laut Malaysia untuk mempertahankan Selat Melaka.

Dato' Yang di-Pertua, jadi oleh kerana itu nyata-lah—jelas-lah, kepada kita bahawa di-dalam melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini, pertahanan ada-lah soalan yang paling penting sa-kali. Sa-kira-nya jikalau Perbelanjaan Pertahanan kita bagi melengkapkan Angkatan² Laut sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, maka harus-lah bahawa Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini tidak dapat di-jalankan sa-bagaimana chita² kita. Walau bagaimana pun, Dato' Yang di-Pertua, saya memberi ucapan tahniah terutama sa-kali kepada Angkatan² Bersenjata kita yang telah mempertahankan negara kita di-dalam masa lima tahun yang telah lalu, kerana dengan kekuatan Angkatan Senjata kita-lah maka dapat kita melaksanakan ranchangan kemajuan kita yang pertama bagi masa² yang telah lalu. Maka oleh itu ada-lah di-harapkan bahawa yang Angkatan² Bersenjata kita akan memainkan peranan-nya yang penting lagi di-dalam mempertahankan negara kita dengan mereka itu memainkan peranan yang penting-lah di-harapkan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini akan dapat berjaya. Jadi sakan-lah terima kaseh.

Enche' Tan Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Kerajaan kita khas-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah membentangkan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dengan lengkap-nya. Yang sa-benarnya ini-lah ranchangan yang di-nanti²-kan oleh ra'ayat Malaysia khas-nya mereka di-Borneo Timor. Ra'ayat di-sana dahulu memasoki Malaysia oleh kerana mereka nampak ranchangan² kemajuan yang sedang berjalan di-negeri ini memberi faedah. Dengan ada-nya satu ranchangan kemajuan seperti yang kita dapat saksikan ini maka saya perchaya ra'ayat di-Borneo Timor akan dapat menekmati kemajuan² seperti yang kita nekmati di-Malaya ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah berhajat hendak berchapak panjang kerana saya tahu tiap² Kementerian ada-lah berusaha dan mempunyai keazaman penoh untuk menjayakan segala ranchangan untuk membaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata. Sa-lepas mengadakan rekod Kerajaan kita di-masa² yang lalu, maka saya mempunyai penoh keyakinan atas kejayaan kita di-masa hadapan.

Dalam masa beberapa bulan yang lalu kita telah membacha akhbar² dan mendengar radio² yang menyatakan ada sa-tengah² pemimpin di-negara² jiran tetangga kita membuat tuduhan² kapada negara kita. Saya tujukan khas kapada tuduhan² burok yang di-limpar-kan kapada Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu dan pemimpin² kita di-negeri ini. Pemimpin² negara luar itu menganggap Raja² kita sa-bagai perkara yang tidak ada guna-nya dan mereka bandingkan pula dengan ra'ayat² yang berchorak feudal di-negeri lain. Raja² kita ada-lah simbol negara. Memandang kapada berlakunya tuduhan² itu maka saya fikir Kementerian Penerangan dan Penyiaran patut-lah sangat mengambil langkah² yang tertentu untuk menchegeh-nya. Kalau kita dengar radio² luar negeri maka kita dapati siaran² mereka itu sentiasa memburok²kan kita, sa-olah² pemimpin² ra'ayat di-Malaysia ini tidak berguna satu sen. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pada pen-

dapat saya Kementerian Penerangan dan Penyiaran-lah yang boleh mengatasi perkara ini. Saya berharap Kementerian tersebut di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini akan mengadakan peruntokan yang besar untuk memberi dan mengadakan Transmitter² yang kuat bagi menerangkan dengan lebeh jelas-nya siaran² kita ka-negeri² lain. Di-samping itu pula Kementerian ini harus-lah mendirikan untuk menchari satu² jalan bagi menggunakan Transmitter² untuk menchegeh atau jam siaran² radio dari seberang laut itu daripada memasoki gelombang tanah ayer kita. Saya fikir usaha² menchegeh siaran² seperti itu belum di-adakan kerana siaran² yang burok dan karut dari radio² asing itu tidak sampai ka-telinga atau meresap masok ka-jiwa ra'ayat negeri ini. Saya tahu benar² bahawa sa-tengah² daripada siaran radio dari jiran tetangga kita itu bohong sa-mata² dan mungkin dapat merosakkan ra'ayat jelata. Usaha menchegeh atau jam siaran² radio asing ada-lah perkara biasa sahaja di-lakukan oleh negara² di-dunia ini. Oleh itu saya harap benar² kapada Menteri Penerangan dan Penyiaran supaya membeli Transmitter² yang kuat dan alat² yang belum ada untuk di-gunakan bagi menchegeh siaran² radio asing dari menghasut ra'ayat kita.

Mengenai Ranchangan Kemajuan Malaysia Yang Pertama seluroh-nya, maka saya berseru-lah kapada tiap² Kementerian supaya menjalankan usaha masing² dengan giat dan baik. Saya berharap kapada tiap² orang Menteri supaya membuat lawatan² di-cherok rantau negeri ini dengan tujuan hendak menangkap ranchangan² kemajuan supaya tiap² ranchangan yang di-jalankan itu benar bertujuan memberi faedah kapada ra'ayat jelata. Saya perchaya lawatan² daripada Menteri² akan mendapat banyak faedah. Mereka boleh menyaksikan sendiri kehidupan ra'ayat jelata dan juga mengenai ra'ayat jelata seluroh-nya. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kaseh.

Enche' Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh Dato' Yang di-Pertua. Berkenaan

dengan usul yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini dengan ada-nya pindaan yang di-datangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong saya berpendapat di-dalam pindaan itu hanya-lah sa-mata² chuba mengelirukan dan chuba mengalah pandangan keseluruhan ra'ayat di-dalam Malaysia ini dengan tujuan yang chukup jahat, dengan tujuan sa-umpama pengkhianat. Kerana kalau-lah Yang Berhormat itu hanya hendak membahathkan di-dalam usul yang di-datangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya tidak-lah begitu bersungguh² chuba mengambil bahagian berbath di-dalam chadangan yang tersebut, tetapi oleh kerana dengan ada-nya pindaan itu, saya berpendapat, tujuan yang jahat ini mesti-lah di-jelaskan keseluruhan ra'ayat Malaysia. Kerana dengan tidak sa-chara langsung bahawa pindaan itu merupakan Menteri² Perikatan yang memegang jawatan di-waktu ini tidak begitu lebeh mahir daripada-nya, tidak begitu lebeh jujur daripada-nya dan tidak begitu lebeh tegas daripada-nya, kerana dengan ada pindaan yang sedikit itu-lah sa-olah² dia chuba "menchedok di-dalam ayer yang jernih sahaja" tetapi yang keroh dia tidak mahu. Jadi keadaan ini-lah yang sa-lama hari ini keseluruhan ra'ayat telah memandang keadaan dan kedudukan bahawa Kerajaan Perikatan ini sa-sungguh mendapatkan pembelaan yang sa-wajar-nya. Sungguh pun begitu, Dato' Yang di-Pertua, tidak siapa-lah boleh menapikan, tidak siapa-lah yang boleh menentukan bahawa tiap² sa-orang manusia itu sentiasa berada di-dalam kebenaran dan tidak ada menjalankan kesilapan. Kesilapan² di-dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ini ada juga di-terangkan dengan sa-chara jelas, tetapi di-dalam penerangan ini pun tidak mahu menerima. Alangkah sedeh-nya kaedah dan keadaan Ahli daripada Tanjong itu mengemukakan pindaan di-atas usul yang asal. Oleh kerana dia memandang bahawa kalau-lah tidak sa-bagitu saksama dan 'adil di-dalam perkara yang menjalankan rancangan² dan beberapa rancangan yang akan datang, tidak sesuai dengan chara ideology dia, tidak sesuai dengan chara fahaman dia, maka itu tidak sa-chara 'adil-lah. Tetapi

kalau di-masok, di-selitkan chara ideology dan fahaman-nya maka itu barangkali ada-lah ke'adilan. Tunggu-lah masa-nya sa-bagai Yang Berhormat daripada Tanjong itu mendapatkan Parti-nya tempat sa-bagai pemerintah di-dalam negeri Malaysia ini dapat-lah dia mengemukakan sa-chara 'adil atau pun tidak 'adil. Di-dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama yang akan di-jalankan sa-lama lima tahun ini saya berpendapat, Dato' Yang di-Pertua, chukup-lah kaedah dan keadaan kerana rancangan ini ada-lah di-susun oleh Ahli Jawatan-kuasa yang terdiri daripada pakar² di-dalam segala segi dan pakar² ini tentu-lah mengkaji dengan sa-halus² daripada satu segi ka-satu segi. Tentu-lah ada juga kechichiran. Maka perkara² yang kechichiran ini, ini-lah kita terpaksa di-dalam Rumah Yang Berhormat ini menyampaikan kepada pengetahuan² Ahli² Jawatan-kuasa itu dan Menteri² yang bertanggung-jawab dalam perkara yang tersebut.

Satu sahaja yang saya suka membawa pandangan Ahli Jawatan-kuasa ini dan Menteri² yang berkenaan, ia-itu Dato' Yang di-Pertua, dalam segi menchapai dan melaksanakan rancangan ini terletak atas ra'ayat sakalian mengubah chara mereka berfikir, chara mereka bergerak, chara mereka segala² nya dengan memberi semangat—semangat progressive, semangat yang berjiwa besar. Maka dengan chara ini barangkali tidak chukup 5 tahun, satakata 3½ tahun atau pun 3 tahun, rancangan ini dapat kita buktikan dengan nyata dan terang, sama ada gagal atau pun maju. Kerana sambutan daripada ra'ayat sa-lama ini saya berpendapat, pepatah telah mengatakan "pengertian atau pun lagak ra'ayat ini ia-itu segala² nya berkehendakkan hidangan ka-lutut". Sudah sampai nasi ka-dalam pinggan maka nasi itu hendak di-suap kepada mulut-nya. Ini-lah satu rupa yang patut kita ubah. Dengan mengubah chara berfikir, berfikir dengan chara baharu, berfikir dengan chara progressive, ini-lah satu langkah yang paling susah di-dapati yang hendak di-perbuat di-waktu ini. Jadi, saya berharap sa-sudah kita menjalankan beberapa tahun pelajaran²

dewasa, "civic courses" di-dalam perkara² yang tersebut supaya memberikan pelajaran membacah, menulis dan mengerti kaedah dan keadaan pentadbiran Kerajaan kita di-hari ini. Jadi saya berharap Kementerian yang bertanggung-jawab di-daam kelas dewasa dan civics ini juga, akan dapat menggambarkan chara memberi fikiran baharu ini kepada seluruh ra'ayat. Ra'ayat mesti-lah menyambut dalam menyeru Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup-nya. Tuhan telah mengatakan, "Kalau kamu sendiri tidak mengubah nasib kamu, maka kamu akan begitu juga-lah hidup-nya sa-lama²-nya." Maka ini-lah di-hadapkan soal yang besar terhadap kita pada hari ini, Dato' Yang di-Pertua. Sa-sungguh ranchangan ini chukup baik dan chukup tersusun tetapi itu-lah dia, Dato' Yang di-Pertua, kalau-lah tiap² Menteri yang ada mempunyai tugas dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama ini, maka tiap² Kementerian itu dan tiap² pegawai Kerajaan yang bertanggung-jawab di-dalam pelaksanaan ranchangan ini saling mengerti dan saling berhampiran dengan ra'ayat, maka saya berpendapat ranchangan ini sudah barang tentu dapat diteruskan dan terus maju di-dalam masa yang singkat daripada yang kita jangkakan. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, kaedah ini-lah yang saya katakan bahawa kebanyakan kita di-dalam Rumah Yang Berhormat, bagi pehak Pembangkang² tidak mahu mengaku kapada kebenaran, tidak mahu patoh dan tundok kapada kenyataan. Ini-lah satu kemushkilan kita untuk bergerak di-hari ini hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat, hendak meninggikan pendapatan ra'ayat daripada sa-hari ka-sahari. Kerana dengan ada-nya pandangan² yang terpesong daripada Ahli² Pembangkang Yang Berhormat, maka ra'ayat sudah sa-olah² betul-kah?, tidak-kah? Di-perchayaï-kah? Tidak di-perchayaï-kah? Ini-lah yang kita susahkan, Dato' Yang di-Pertua, di-hari ini. Sa-kira-nya kalau Ahli² Pembangkang Yang Berhormat bersama² membimbing bahu dengan ahli² daripada pehak Kerajaan, saya rasa, saya telah katakan tadi, tidak usah 5 tahun, 3 tahun atau pun 3½ tahun kita akan dapat melihat bokti-nya.

Kenyataan telah ada, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu di-dalam ranchangan Buku Merah kita, tidak siapa mengatakan di-waktu itu ranchangan ini dapat di-laksanakan dengan sa-bagitu jayanya. Tetapi hari ini kita telah bokti dan nyatakan bahawa Buku Merah itu satu daripada kenyataan yang terang kapada seluruh ra'ayat. Dengan adanya Buku Merah itu maka Perikatan telah naik lagi sa-kali pada pilehannya 1964. Maka dengan ada-nya pula Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama ini mari-lah kita sama² menyokong, mari-lah kita sama² mengendalikan dan mari-lah kita sama² mendukongi supaya dapat seluruh ra'ayat menchechap nikmat kemerdekaan yang ada pada kita di-waktu ini. Terima kaseh.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Yang di-Pertua, satu anggaran yang besar sa-banyak \$10,500 juta telah pun di-jangkakan untuk mengongkosi The First Malaysia Plan 1966/1970.

Sa-malam Dewan ini telah pun mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengemukakan perkara ini dengan perasaan yang sangat merendahkan diri serta bertanggung-jawab. Sebab saya kata merendah diri, Dato' Yang di-Pertua, beliau berkali² mengatakan huruf "if" daripada satu masa ka-satu masa. Huruf "if" ini telah pun di-challenge oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok. Saya hairan bagi sa-orang Islam hendak mengajar satu orang Islam lain mentakbor kapada Allah, saya rasa ini lain sedikit daripada saloran Islam yang sa-benar.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, I was speaking in the term of economy not in the term of theology.

Enche' Tajudin bin Ali: Jadi kuasa kita berikhtiar, Tuan Yang di-Pertua, bersungguh² kita sudah lengkapkan satu pelan yang bagini, dan siapa-kah arkitek-nya? Arkitek-nya ta' lain dan ta' bukan ia-lah Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak dan kapada beliau saya ucapkan sa-tinggi² tahniah

dan terima kaseh dan tidak juga ketinggalan saya mengucapkan terima kaseh saya kepada pegawai² yang berkenaan. Sungguh pun Buku ini mengandongi chuma lebeh kurang 200 muka, saya berpendapat dan kawan² saya tentu bersetuju dengan saya mengambil pakar² ini tidak kurang daripada 3-4 tahun menyiap-nya. Buku ini akan menjamin kebaikan negara kita dan ra'ayat kita pada hari akan datang berpuhloh tahun dan beratus tahun kita telah duduk dalam kesengsaraan di-bawah pemerentahan colonialist regime yang lebeh² lagi kita telah pun menghadap azab dan sangsara masa Jepun, tetapi masa Jepun, masa susah-payah tidak ada siapa kata susah, sampai senang-lenang bagini macham² tuduhan lemparan yang tidak bertanggung-jawab telah di-berikan kepada Kerajaan. Satu perbelanjaan yang bagini besar, Tuan Yang di-Pertua, wang yang sa-bagini besar bukan senang di-dapati, tetapi pada fikiran saya bagi Kerajaan Malaysia kita untuk mendapatkan wang ini tidak-lah susah sangat kerana kita satu negara telah pun di-sanjong tinggi oleh sakalian negara bebas.

Wakil Bachok juga telah menyatakan kesangsian beliau kerana negara kita ini berhutang banyak. Siapa negara yang progressive sa-lain daripada Amerika dalam dunia ini yang tidak berhutang? Siapa? Kerajaan Kelantan sendiri pun berhutang, tidak chukup berhutang $\frac{1}{3}$ daripada tanah ra'ayat di-jual kepada

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak kata itu—saya ingat lagi itu—saya tidak kata langsung.

Enche' Tajudin bin Ali: Chara hendak chari duit, Tuan Yang di-Pertua

Mr Speaker: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, belum lagi sa-lama ini dia berchakap kepada Buku ini baharu di-luar² sahaja. Tepatkan kepada apa² yang hendak di-tegor, jangan-lah chakap lain² dahulu.

Enche' Tajudin bin Ali: Chara hendak chari duit. Jadi, pada pendapat

saya duit sa-banyak \$10,500 juta ini tidak susah dapat

Mr Speaker: Itu pun tidak payah chakap, sebab tidak susah-lah di-buboh di-situ.

Enche' Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh soal integration di-antara semua kaum dalam negara kita. Ini pada pendapat saya satu soalan yang terpenting sakali. Integration, Tuan Yang di-Pertua, boleh di-jalankan daripada beberapa segi, ia-itu yang pertama-nya ia-lah daripada pelajaran. Memandang masa kita tidak lama lagi di-mana kita akan menjalankan ia-itu bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi dan yang tunggal dalam negara kita ini, saya rasa patut-lah Kerajaan kita dengan tegas dan nyata-nya meminta sekolah² dalam seluroh tanah ayer—Sarawak dan Sabah biar tinggal ka-belakang sadikit—kita tengok satu² sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan China, Inggeris dan sa-bagai-nya. Mengapa tidak sekolah² ini memandang perbelanjaan bagini banyak dan matlamat kita hendak menjadikan satu bangsa, satu bahasa, biar budak² ini semua pergi berchampur-gaul dalam satu sekolah—sekolah kebangsaan sahaja. Jangan ada jenis kebangsaan China, jenis kebangsaan Tamil dan Inggeris. Dengan jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah juga kita menyelamatkan banyak duit lagi. Kita hendak sekat². Ada lagi perasaan divide and rule di-antara kita. Sungguh pun kita ada ranchangan yang tertentu ia-itu menjadikan satu rupa bangsa. Jadi saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, masa-nya telah tiba kita hapuskan sekolah yang suku² ini menjadi satu sekolah kebangsaan. Integration juga boleh di-jalankan dengan saluran perusahaan dan perniagaan. Kita tengok dalam negara kita perniagaan—China, China sahaja-lah, orang puteh, orang puteh sahaja-lah—Melayu di-kampong² sana. Jadi, saya rasa Kerajaan mesti-lah chari jalan, sama ada menerusi MARA atau pun apa² juga pertubohan sa-kali pun galakan semua bangsa ini dudok bersama². Umpama-nya, macham kelinik Ahli dari Batu itu biar orang Melayu

kerja sana, jangan dia pandai berchakap sahaja, dia kata orang Melayu ada 12 teksi di-Subang dia kata hisap darah. Saya rasa ada juga kaum yang bukan-nya hisap darah bahkan makan darah, kerana satu injection penicillin yang berharga 15 sen ada doktor² charge sampai \$15. Ini bukan-kah makan darah bukan hisap darah lagi bahkan makan darah nama-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Di-sini saya tengok wakil dari Larut Utara dan wakil dari Jerai berkata doktor² semua menghisap darah

Enche' Tajudin bin Ali: Makan darah.

Dr Tan Chee Khoon: . . . orang yang sakit. Tuan Yang di-Pertua, kalau satu benda yang di-beri oleh sa-orang doktor kepada sa-orang sakit mithalnya benda 15 sen, tetapi apabila memberi benda itu kepada orang yang sakit dan orang sakit kena bayar \$3 mithalnya, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya benda itu 15 sen, tetapi pengetahuan doktor itu, apa benda sesuai di-beri kepada orang yang sakit—pengetahuan dia itu atau di-katakan dalam bahasa Inggeris professional service, kalau dia suruh orang yang sakit itu membayar \$3 apa salah itu? Apa salah itu? Kalau sa-orang doktor dia untuk professional service menyuruh orang yang sakit yang berjumpa doktor itu membayar \$3 mana salah? Di-mana² pemandu teksi pun ada gaji. Di-sini Wakil Ra'ayat dapat \$750. Mengapa doktor sahaja kalau dia menyuruh orang yang sakit membayar \$3 itu salah, tetapi peguam² bukan \$3 atau \$5 tetapi ribu² (*Ketawa*). Itu bukan salah!

Enche' Tajuddin bin Ali: Dato' Yang di-Pertua, tidak salah, betul tidak salah, tidak ada siapa hendak kata.

Saya teringat di-England dan Amerika dahulu, doktor ini dia chuma beri prescription-nya sahaja, dia periksa orang sakit dan di-beri prescription dan daripada situ dia pergi ka-pharmacy dan sa-bagai-nya dia beli ubat, tetapi di-sini ada orang yang makan darah—sebab itu-lah barang² mahal. Bagai-

mana pun, Dato' Yang di-Pertua, saya mengatakan bagini kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu pandai berchakap, lemah lembut, orang yang baik—memandangkan keseluruhan negara kita, Dato' Yang di-Pertua, kekurangan doktor. Semua ra'ayat di-kampung² di-tempat saya pun, di-Kelantan, di-Kedah, di-Trengganu, di-Perlis, semua kekurangan doktor. Mengapa tidak Ahli Yang Berhormat itu chuba membuat chontoh, tauladan, membawa beg dia memberi ubat—ini saya akan memberi hormat kepada-nya kalau dia boleh buat bagitu, jangan dia sa-orang, panggil kawan²-nya bersama. Ini bagus kepada negara

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya di-gudang ubat saya ada chukup kerja, bagaimana saya boleh membuat masa pergi ka-Larut Utara atau ka-Kedah?

Enche' Tajuddin bin Ali: Dato' Yang di-Pertua, saya tinggalkan Ahli Yang Berhormat itu, biar dia fikirkan sendiri-lah. Kalau dia bertanggung-jawab sa-benar²-nya bagi bangsa dan negara dan tanah ayer kita ini.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri samalam, dia menyatakan, saya quote:

"It would not be out of place if these Alliance Members of Parliament were allowed to applaud themselves because they deserve it."

Terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat. Semua²-nya Wakil² Perikatan bekerja 24 jam. Hasil-nya terang dan nyata—negeri aman, ma'amor dan damai. Dan oleh sebab itu-lah dengan kebetulan Yang Amat Berhormat tidak berterima kaseh sapatah pun kepada pehak Pembangkang. Apa faedah-nya, kesemua² pindaan kita mereka tentang, semua-nya tidak betul. Kita katakan puteh mereka kata hitam, kita kata merah mereka kata hijau. Jadi tidak usah-lah berterima kaseh, betul. Saya rasa elok-lah membuat dengan perasaan tegas dan nyata ini supaya Ahli² Pehak Pembangkang tahu ada-lah dengan tidak bekerja sama dengan mereka itu pun kita akan berjalan terus-menerus menjayakan segala

ranchangan kita bagi faedah ra'ayat sakalian-nya.

Berkenaan dengan integration lagi, Dato' Yang di-Pertua, saya teringat satu pertunjukan yang warna-warni baharu sahaja di-tunjokkan, barangkali Dato' Yang di-Pertua sendiri pun ada—SEAP GAMES baharu² ini, di-mana murid² daripada sakalian bangsa, berator buat gerakan badan dan sa-bagai-nya. Ini satu daripada jalan yang sangat baik kepada Jawatan-kuasa yang menyiapkan budak² ini berchampur gaul dalam gerakan, pada satu sa'at yang tertentu ini saya sanjiong tinggi dan perkara ini patut-lah di-galakkan pada seluroh negara. Oleh sebab itu saya katakan tadi, persekolahan pun jangan kita adakan banyak sangat, dengan adakan satu sahaja sekolah—sekolah kebangsaan saya rasa ber-million² wang akan terpelihara oleh Kerajaan dan khas-nya Yang Berhormat Menteri Kewangan. Lebih chepat kita membuat perkara integration ini dengan erti kata yang sa-benar²-nya berfaedah besar kepada negeri kita daripada segala segi.

Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan Family Planning, saya rasa saya setuju sangat-lah, oleh sebab saya bertahun² dahulu telah membawa perkara ini dan sekarang telah di-sambut baik oleh Kerajaan dan boleh di-katakan berbanyak² terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat Tim-balan Perdana Menteri kerana memikirkan soalan social masyarakat sangat berat jika ada tanggungan pada hari yang akan datang, kita tengok dalam akhbar daripada satu ketika ka-satu ketika, ada sampai orang membuang anak di-tepi jalan. Population kita—ra'ayat kita bertambah 3%—ini sangat berat, mengerikan fikiran kita semua.

Saya shorkan pada hari itu, mengapa tidak siasat—ayer yang datang daripada buah nanas, ini satu ayer yang chukup baik menjarangkan anak. Ada pakak² pakar boleh siasat, murah chukup mujarab. Boleh

The Parliamentary Secretary to the Minister of Health (Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya baik juga dalam rancha-

ngan Family Planning—Peranchang Keluarga—kalau Yang Berhormat itu boleh memberi sample²-nya, ada bukti², keterangan, yang mengatakan ayer nanas itu baik, sila berhubung dengan Kementerian Kesihatan.

Enche' Tajuddin bin Ali: Terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua, ini patent saya sendiri, Dato' Yang di-Pertua. Kalau Kerajaan sedia membeli patent, saya sedia menjual (*Ketawa*). Siasatan saya, siasatan saya sendiri kalau Kerajaan mengaku hendak membeli patent saya, "O.K." saya katakan (*Ketawa*). Apa pula pakar² Kerajaan buat pada masa ini, biar mereka siasat, kalau mereka tidak dapat beli patent saya, habis cerita, harga, harga saya.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Hendak di-jual juga-kah patent itu, tidak di-beri perchuma.

Enche' Tajuddin bin Ali: Dato' Yang di-Pertua, saya masok di-atas perkara jalan raya, electricity dan clinics.

Mr Speaker: Saya hendak tanya panjang-kah ini, hendak masok ka-sana sini.

Enche' Tajuddin bin Ali: Sadikit lagi, Dato' Yang di-Pertua.

Mr Speaker: Ya-lah.

Enche' Tajuddin bin Ali: Sa-malam, kita ada dengar juga daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok mengatakan jalan raya, electricity dan clinics ini, tidak ada memberi faedah besar kepada ra'ayat jelata sakalian dan tidak-lah memberi pendapatan yang lebih kepada ra'ayat jelata. Betul, saya bersetuju. Tetapi kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat bertanggung-jawab kepada ra'ayat jelata sakalian dengan ada-nya electricity kita boleh membuat bermacam² domestic industry. Dengan ada jalan baik, kita boleh membuat yang mendatangkan faedah sa-ribu macham faedah kepada ra'ayat jelata, tetapi kepada Wakil Ra'ayat yang bertanggung-jawab. Jangan sa-mata² hendak datang ka-Dewan ini hendak membangkang Kerajaan. Aku ini jadi batu penghalang.

Ini tidak bagus, tidak menjadi faedah kapada sa-siapa, pada dia sendiri tidak menjadi faedah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dato' Yang di-Pertua, sa-malam saya mengatakan, jalan² ini dari segi ekonomi, dia sa-mata² boleh mengubahkan satu benda yang kita sifatkan mempunyai value in use—dan value in exchange. Jadi kalau barang itu melalui jalan yang kita buat itu, ia maseh juga tetap merupakan goods dia itu value in use kita berubah kapada value in exchange maka jalan itu tidak ada faedah dari segi ekonomi. Bukan saya katakan jalan itu tidak ada faedah!

Mr Speaker: Faham-kah itu?

Enche' Tajuddin bin Ali: Faham, Dato' Yang di-Pertua.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dato' Yang di-Pertua, dia tidak tahu the difference between the value in use and value in exchange.

Enche' Tajuddin bin Ali: Faham, tetapi saya tidak berapa gemar kapada pehak Pembangkang ini kerana dia selalu berchakap sa-malam dia pusing, dia lain pula. Jadi di-atas chakap saya ini dia jadikan bahathan. Ini saya tidak bersetuju-lah. Saya bersetuju jalan² tidak boleh di-makan dan electricity pun tidak ada memberi faedah yang terus menerus kapada ra'ayat jelata tetapi terpulang-lah pula kapada kita sakalian terutama sa-kali Wakil² Ra'ayat menunjok supaya ra'ayat jelata itu gunakan electricity itu kapada jalan yang berfaedah sa-lain daripada memasang radio, talivishen dan juga kapada buat mendatangkan api kapada rumah. Boleh buat cottage industries macham². Chuba pergi ka-Japan, sa-ribu satu faedah boleh kita gunakan dan dengan jalan ini boleh-lah sedikit demi sedikit ra'ayat jelata di-kampong mendapat faedah yang lebeh besar sedikit dengan chara Kerajaan mengadakan electricity itu di-kampong².

Dato' Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan F.L.D.A. ini dan saya memberi

terima kaseh banyak² kapada Kerajaan. Dalam kawasan saya ada satu ranchangan F.L.D.A. yang sangat² chantek dan sangat berjaya, barangkali dalam sa-tahun lagi mula-lah penduduk² di-situ menoreh getah mereka. Shukorlah kita kapada Tuhan kerana mendapat satu ranchang yang bagini baik, tetapi apa yang saya hendak nyatakan kapada Kerajaan ia-itu peserta² di-sini berhajat sangat oleh sebab getah mereka itu sudah besar kerja mereka itu di-ladang² sangat kurang pada tiap² hari ia-itu dalam satu dua jam sahaja ma'alum-lah pokok getah sudah besar kerja kurang. Jadi mereka meminta kapada saya menyampaikan kapada Kerajaan supaya mengadakan factory-kah atau pun workshop untuk mereka itu belajar membuat pertukangan kayu; orang sana rajin, Dato' Yang di-Pertua, mengunting rambut, buat kedai dobi, macham²-lah chara usaha di-kampong² dengan tujuan supaya mereka itu dapat sara hidup yang lebeh baik lagi. Mereka berusaha pada masa mereka itu lapang—pada masa kelapangan mereka pergi ka-workshop sana membuat, berpakat, bergotong royong, berusaha bermacham² perkara dengan tujuan mereka itu dapat sara hidup yang lebeh baik lagi.

Dato' Yang di-Pertua, saya suka membawa satu perkara dan di-sini saya minta izin Dato' Yang di-Pertua membacha satu perutusan daripada Utusan Melayu berbunyi demikian:

"Singapura di-tendang keluar daripada Malaysia, Singapura 15. Satu suara yang menekan kegagalan Petir"; minta ma'af, saya ulangi sa-kali lagi, "kegagalan Petir telah di-lahirkan malam tadi oleh Enche' Othman Wok Menteri Hal-ehwal Kebajikan Singapura. Orang² Tanah Melayu sendiri telah mengambil konsep Malaysia yang di-anjorkan oleh Petir", kata-nya, "Kemudian kemenangan chalon bebas dalam pilihan raya kechil Rahang. Negri Sembilan, menurut-nya ada-lah sa-bagai tayangan perdana film baharu yang akan dapat di-lihat oleh orang² Tanah Melayu dari sekarang di-mana satu perkembangan baharu bagi politik telah di-perkenalkan kapada mereka. Peringkat-nya sudah lengkap dan perjuangan Malaysian Malaysia akan

berjalan terus sa-hingga berjaya, kata Othman Wok lagi”—sadiKit lagi, Dato' Yang di-Pertua—“Othman Wok mengatakan bahawa Kerajaan Singapura berasa dukachita kerana mengadakan sekatan² untuk memerhentikan kemasokan orang² Malaysia ka-Singapura. Ini perkara yang mustahak diadakan bagi menyelamatkan Singapura”, kata beliau sa-terus-nya. Inilah perkara yang tidak di-gemari sangat—yang kita tidak suka sangat dengar ini.

Saya, Dato' Yang di-Pertua, telah sa-kali dua dahulu berchakap dan menyatakan kena jaga-lah bersunggo² negara kita ini supaya keselamatan negara kita terjamin. Singapura saya telah katakan dalam Dewan ini juga kita telah bagi talak tiga jangan ingat²-kan lagi Singapura ini. Di-samping penganjor² kita hendak keamanan kita dengar daripada satu hari ka-satu hari ucapan yang berapi² ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kenderaan umpama-nya, tidak-kah keretapi beliau itu ada break di-Johor Bharu. Tidak-kah beliau ada station yang tertentu di-Johor Bharu. Kalau ada, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan jangan takut berhenti di-Johor, break di-sana. Kita, dalam negara yang merdeka dan berdaulat, Dato' Yang di-Pertua, kita mesti-lah berani berdiri di-atas kaki kita sendiri, wang kita susah kita hendak chari, wang kita siapa tahu di-churahkan ka-Singapura, lari ka-India dan sa-bagai-nya. Ini kita mesti jaga. Saya mengshorkan kepada Kerajaan, untuk menyelamatkan perekonomian kita, kita mesti ada mata kewangan kita sendiri, kita tinggalkan Singapura, memandang ucapan yang berapi² bagini kita kata satu macham, kita sabar. Dengan kesabaran kita, Dato' Yang di-Pertua, di-anggap kita ini satu manusia yang penakut dan bachol.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat: Betul!

Mr Speaker: Saya suka mengingati kan kepada Ahli Yang Berhormat saya pun sudah bersabar lama (*Ketawa*). Chakap itu tidak betul, tepatkan perkara yang di-hadapan ini, jadi tolong-lah tepatkan kepada per-

kara itu. Kita ini di-dalam Rumah Parlimen bukan di-dalam kedai kopi.

Enche' Tajuddin bin Ali: Ini saya hendak mengakhiri ucapan saya, Dato' Yang di-Pertua. Kita ingat lagi peristiwa macham Alex Josey, penubohan Bank of China; kita tutupkan dia di-Kuala Lumpur ini, besok pagi-nya sudah pun di-buka sa-mula di-Singapura. Perkara yang kita tidak ingini terus menerus jadi di-Singapura. Ini apa ma'ana-nya?—Satu challenge factors kepada kita sakalian. Saya berpendapat, Dato' Yang di-Pertua, janganlah ragu² lagi, saya sa-kali lagi ingatkan, kita kurangkan perhubungan kita sa-boleh²-nya, untuk keselamatan kita, ketenteraman negara kita, dengan Singapura. Di-situ juga, Dato' Yang di-Pertua, saya teringat banyak sangatlah wang kita pergi lari keluar, bochor ka-India dan sa-bagai-nya, ini saya harap-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan jaga baik² atas perkara ini.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Batu sa-malam menyatakan satu perbelanjaan wang banyak telah di-untokkan berkenaan dengan mengadakan jail dan sa-bagai-nya. Ini mengapa pula tidak, beliau juga telah menyatakan pada tempoh hari jail kita tidak elok. Jadi ini kita hendak siapkan jail elok apa salah, barangkali beliau tidak lama barangkali boleh masuk juga, barangkali siapa tahu itu untuk kebaikan negara kita, mengapa tidak! Sekian, terima kaseh.

Mr Speaker: Saya hendak memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat, perbahathan atas perkara ini chuma hingga pukul 8.00 malam ini sahaja, tinggal lagi kalau boleh dahulu daripada pukul 8.00 itu pun elok, kita tanggo²hkan meshuarat. Tetapi pada besok hari Menteri² akan menjawab pertanyaan² yang di-kemukakan. Sekarang ini boleh bahath sampai pukul 8.00 atas perkara yang ada di-hadapan ini. Itu sahaja saya hendak beri tahu kepada Ahli² Yang Berhormat.

Enche' Thomas Kana (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I rise to give my wholehearted support to the First

Malaysia Plan. I also congratulate the Honourable Deputy Prime Minister for his excellent work and progressive ideas which are embodied in the Plan. The Plan, though moderate as an honest plan should be, contains dynamic objectives which, if implemented conscientiously, justly and vigorously, will indeed bring to fruition all the aspirations of all peace-loving Malaysians, especially the rural population.

Mr Speaker, Sir, I have emphasised the expression "implemented conscientiously, justly and vigorously" because correct implementation is a *sine quo non* of the success of any plan. We have heard in this House the frank disclosure by one Honourable Member from Sarawak of a growing feeling of disappointment and frustration amongst the rural population, especially the natives in Sarawak. I must reiterate here, Mr Speaker, Sir, that the main reason why the majority of us chose to join the Federation of Malaysia was the promise by the Malayan Government and our conviction that the "have-nots" in Sarawak would receive more or less the same fruits of independence as have been given to the "have-nots" in Malaya.

Unfortunately, although I know the Federal Government has been keeping its promise to spend large sums of money for development in Sarawak, implementation of development projects in Sarawak has not during the past two years been carried out satisfactorily. Developments in Sarawak in the past two years have been carried out according to the old colonial method, full of red tape and the red tapes were red indeed.

Mr Speaker, Sir, it is not sufficient for the Central Government to provide funds, however much it is, for development projects in Sarawak. The Federal Government must, if success is to be achieved in Sarawak, ensure that the projects are implemented with the same vigour and determination as what was done in Malaya. This means that the Central Government must go to the ground.

Mr Speaker, Sir, when Enche' Yacob Hitam was sent to the State to

be State Development Officer, Sarawak, the rural population welcomed the appointment. We thought he would be able to cut the colonial red tapes. Sir, though he had tried his best to serve Sarawak but, unfortunately, because red tapes were so formidable, Enche' Yacob Hitam gave up. The Central Government should not have withdrawn him at all. I would now like to quote one example of red tape in Sarawak. Several months ago, many long houses in the Third Division applied for the supply of fire extinguishers. Until now nothing has been heard.

On the question of education, I call upon the Central Government to introduce "crash programmes" to assist the natives. This is the only way to quicken their progress.

Finally, Sir, the Ministry of Agriculture should give to the rural people of Sarawak the same attention as is given in Malaya. For example, in Malaya the Central Government gives, free of charge, buffaloes to certain selected farmers. The same treatment should be accorded to the people of Sarawak rather than asking them to pay \$150 for each buffalo supplied.

Thank you.

Mr Speaker: Jangan panjang sangat—ya?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Ya, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan ini. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah rancangan untuk memperbaiki keadaan ekonomi di-dalam negeri sangat-lah mustahak lebih² lagi bagi kita negeri yang mundur yang mata pencharian penghidupan kita yang besar sa-kali ia-lah daripada pertanian dan tanam²an. Maka untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata dan mengurangkan jurang di-antara orang yang kaya dengan orang yang miskin, telah menjadi kewajipan bagi Kerajaan untuk mengadakan satu rancangan atau development supaya dapat mengatasi atau mengubati penyakit² yang sangat merbahaya ini. Kalau tidak, maka

lama kelamaan penduduk di-dalam negeri ini akan terbahagi kepada dua bahagian. Satu bahagi, orang yang dudok di-kampung² yang ada-lah pendapatan mereka itu sangat rendah dan penghidupan mereka itu sangat menderita, dan kesihatan mereka itu pula sangat-lah di-sedehkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan hendak mengadakan satu Ranchangan Lima Tahun sa-bagaimana yang ada di-hadapan kita ini, terlebih dahulu hendak-lah Kerajaan membuat "statistics", untuk mengetahui hal kehidupan orang² di-kampung, kerana ada-lah mereka itu mengandongi lebih daripada 70% atau pun ada-lah mereka itu tulang belakang bagi penduduk negeri ini. Statistic ini bukan sahaja untuk mengetahui pendapatan mereka itu tiap² bulan berapa banyak; bahkan untuk mengetahui pula kesihatan mereka itu bagaimana dan sa-terus-nya. Kalau tidak, kalau sa-kira-nya chuma Kerajaan dengan chara agak² sahaja membuat satu plan untuk memperbaiki kehidupan mereka itu dengan tidak mengetahui dengan sa-benar²-nya keadaan yang mereka itu sedang mengalami, maka harus Ranchangan Lima Tahun itu tidak dapat memberi ubat atau memperbaiki kedudukan orang² kita di-kampung².

Baharu² ini tatkala Menteri Kewangan membuat sharahan-nya di-dalam Rumah yang mulia ini menerangkan bahawa ada-lah penduduk Malaya ini penduduk yang telah mendapat *per capita* income yang paling tinggi sa-kali kemudian daripada negara Jepun, di-Asia Tenggara ini. Kerana ada-lah tiap² penduduk dalam negeri ini mendapat \$930 dengan chara pukul rata. Ini sa-bagaimana yang telah kita terangkan di-dalam Dewan ini bahawa \$930 yang di-katakan *per capita* income buat tiap² sa-orang bagi penduduk negeri ini tidak-lah memberi satu gambaran yang benar di-atas kedudukan orang² kita yang di-dalam kampung. Kalau kita sendiri masuk ka-kampung² melihat keadaan kehidupan orang² kita dapat-lah kita ketahui bahawa mereka itu mengalami dan menderita berbagai² penderitaan kerana kemiskinan mereka itu. Sa-hingga buku² sekolah, ibu

bapa² kita yang dudok di-kawasan Luar Bandar tidak berdaya upaya hendak membeli buku² sekolah bagi anak² mereka kerana ia-lah kemiskinan mereka.

Kalau sekarang ini sa-kira-nya Kerajaan hendak mengadakan satu Ranchangan Lima Tahun, terlebih dahulu mesti-lah di-kaji, go to the root of the trouble, periksa dan kaji dengan halus betul² bagaimana kedudukan orang² kampung. Kemiskinan mereka itu sa-takat mana, pendapatan mereka itu sa-takat mana, dan sa-terus-nya, baharu-lah dapat Kerajaan satu gambaran yang terang. Dan di-atas gambaran yang terang ini-lah baharu di-adakan satu Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama. Kalau tidak, saya fikir Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ini tidak dapat memperbaiki kedudukan orang² di-kampung². Tujuan Kerajaan kata-nya hendak integrate, hendak menyatukan semua bangsa² yang di-dalam negeri ini. Tetapi kalau di-biarkan orang² kampung dengan keadaan mereka itu, seperti yang ada sekarang ini, chuma di-buat sekolah kebangsaan sahaja, tetapi Technical College sa-bagaimana di-Pantai Timor sana tidak ada.

Juga orang² kampung—sekolah menengah yang sangat mustahak bagi mereka sangat jauh dengan tempat² kediaman mereka itu. Terpaksa anak mereka itu, berbatu² naik basikal pagi², kerana menghadziri kelas² atau pun sekolah mereka. Ini, hendak-lah Kerajaan mengambil berat di-atas kehidupan orang² kampung.

Lagi pula, tentang perkara ekonomi. Sekarang ini keadaan ekonomi dalam negeri kita, kita masuk ka-dalam Kota Kuala Lumpur, siapa-kah yang mempunyai ekonomi? Ka-mana juga kita pergi, di-bandar yang besar², ekonomi itu bukan-lah dudok dalam tangan anak negeri—bumiputra. Ekonomi ini dudok-nya di-dalam tangan yang bukan anak bumiputra. Kalau begitu, makin lama jurang—gap di-antara ekonomi kedudukan bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra, makin sa-hari sa-makin besar. Maka ini akan menimbulkan satu perasaan yang tidak baik, kerana penderitaan orang² bumiputra di-masa

yang akan datang akan timbul permusuhan. Dan akan membawa, takutnya pula, kepada perkelahian yang akan menghancurkan-leborkan negara ini. Oleh sebab yang demikian, perkara intergration ini, bukan-lah sahaja dari segi pelajaran bahkan di-dalam ekonomi pun sama juga.

Mithal-nya, kalau Kerajaan hendak memberikan satu pioneer status kepada satu kilang, maka di-sharatkan-lah bumiputra sekian banyak mempunyai saham atau pun share, orang yang bukan bumiputra sekian banyak. Jadi, di-sana pun—di-dalam segi ekonomi ada integration juga. Maka ini akan membawa kepada kedudukan yang harmomi dan berbaik² di-antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain. Tetapi, kalau di-tinggalkan bumiputra bagaimana yang keadaan sekarang ini juga—orang yang bukan bumiputra makin sa-hari makin besar, makin sa-hari makin kaya, makin sa-hari makin mempunyai kilang lebeh banyak, bahkan mereka itu-lah yang akan memegang kunci ekonomi dalam negeri kita dan anak negeri makin sa-hari sa-makin menderita, maka ini akan menimbulkan perasaan permusuhan yang akan menimbulkan pergaduhan, sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Kerajaan berkata, Kerajaan hendak memperbaiki kedudukan orang kampung. Oleh yang demikian di-adakan-lah sharikat² kerjasama. Ini saya kata, satu langkah yang baik. Tetapi, chuba fikir, chuba kaji dengan halus ada-kah perjalanan sharikat kerjasama sekarang ini sudah baik—tidak! Berapa banyak sharikat kerjasama yang tidak dapat menjalankan kerja mereka itu, kerana kekurangan wang, kerana bermacam² sebab. Kerana tindasan yang paling kuat daripada kaum kapitalis.

Saya ada terima satu surat daripada Tanjong Karang. Kilang Padi Sharikat Kerjasama di-sana sekarang ini membeli padi dengan tidak dapat membayar wang tunai kepada pa' tani yang menjual padi. Kerana, kata mereka, mereka itu kekurangan kapital dan modal. Wal hal dekat dengan kilang itu, orang bukan bumiputra—

kapitalis—menanti dengan wang di-tangan-nya untuk membeli dengan wang tunai. Kalau bagini kedudukan sharikat² kerjasama di-dalam negeri kita, bagaimana-kah dapat sharikat kerjasama itu berjaya, mengatasi, menchapai tujuan² yang baik yang di-adakan oleh sharikat kerjasama ini? Ini satu daripada chontoh. Berapa banyak sharikat kerjasama di-Kelantan—Sharikat Kilang Padi Kerjasama di-Kelantan—sekarang ini sudah meng'alami penderitaan—harus akan menutup pintu kilang mereka. Kerajaan mesti kaji sebab apa sharikat kerjasama tidak dapat berjaya dalam negeri kita. Apa-kah tindasan² daripada kapitalis yang telah menyebabkan kemundoran atau pun kegagalan tujuan yang baik bagi pehak Kerajaan itu? Tidak guna Kerajaan membuat ranchangan lima tahun demi lima tahun—ranchangan lima tahun di-buka lagi juga. Tetapi kegagalan sharikat kerjasama dan lain² bagaimana RIDA dan itu, ini, terus berjalan juga. Kerajaan akan membuang wang-ringgit sahaja.

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Nampak-nya senantiasa-lah pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan ini gagal. Mungkin-kah yang Berhormat itu boleh membawa ka-sini dan membentangkan di-sini Buku Kuning yang saya, kalau jangan salah ingat, sa-rupa-lah juga dengan Buku Merah yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan. Kerana, kalau-lah begitu, dapat-lah di-bandingkan bagaimana beza-nya di-antara Buku Kuning dengan Buku Merah. Dan bagaimana sambutan yang di-jalankan oleh Kerajaan di-Kelantan sana dengan ra'ayat di-Kelantan. Jadi, sekarang ini saya waham-lah tentang apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, tentang gagal-nya Kerajaan Perikatan menjalankan pembangunan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya kata gagal, bukan-lah semua gagal belaka. Ada yang berjaya. Tetapi bilangan yang berjaya itu sedikit. Bilangan yang tidak berjaya yang banyak. Saya chuma kerana keikhlasan

dan kejujoran saya, saya minta Kerajaan kajikan perkara ini, supaya jangan-lah, apabila di-laksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama, banyak pula sharikat² kerjasama yang akan gagal dengan yang demikian, beratus² ribu, harus berjuta² ringgit pula akan mendapat kerugian. Kalau sa-kira-nya Kerajaan mengadakan commission atau pun mengadakan satu kajian supaya di-ketahui betul² apa-kah penyakit itu, kemudian di-adakan ubat² untuk mengatasi-nya, maka baharu-lah dapat di-perbaiki.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sekali lagi. Di-atas kegagalan Sharikat Kerjasama Kilang Padi di-Kelantan, jadi, bagaimana-kah sharikat kilang padi kerjasama di-Kelantan itu hendak bergerak maju, kalau-lah sa-kira-nya sharikat kilang padi yang haram itu di-benarkan oleh Kerajaan Kelantan sendiri? Yang mana telah di-buat oleh sakalian ra'ayat Kelantan dalam gerakan kerjasama.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab yang saya katakan tadi di-kaji apa penyakit²-nya, kemudian di-adakan-lah ubat² untuk di-atasi atau di-perbaiki keadaan yang burok itu. Itu tujuan saya.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya yang saya katakan tadi, sebab itu, Kerajaan PAS sendiri yang berkuasa.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perkara kilang² kecil yang sedang di-jalankan oleh pa'tani² di-Kelantan sana, Kerajaan Kelantan sudah memberi akuan kepada Kerajaan Pusat untuk di-atasi perkara ini. Saya fikir, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ketika lawatan-nya di-Kelantan pada tempoh hari, telah membincangkan perkara ini. Tetapi kegagalan sharikat kerjasama di-Kelantan itu bukan di-Kelantan sahaja, sekarang di-Tanjong Karang, ini yang saya kata. Saya ada terima satu surat daripada sharikat tersebut mengatakan yang mereka itu sedang menderita dan

menga'alami kesusahan mendapat modal, untuk membayar harga padi yang mereka itu beli daripada pa'tani². Sekarang pa'tani² berkata, Kerajaan memaksa mereka menjual padi mereka kepada sharikat kerjasama, tetapi sharikat kerjasama tidak dapat membayar wang tunai kepada mereka. Bagaimana mereka hendak menjualkan padi kepada sharikat kerjasama? Mereka orang miskin yang berhajat kepada wang ringgit untuk buat belanja tiap² hari.

Bukan-lah apabila saya memberi satu tegoran di-sini, bukan-lah maksud saya hendak memburokkan—tidak. Maksud saya, minta kepada Kerajaan mengkaji perkara ini. Tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila tegoran itu datang daripada sa-belah pihak kami di-sini, selalu-lah di-anggapkan sa-bagai perkara fitnah atau pun perkara hendak memburok²-kan—tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, integration tadi bukan-lah sahaja melalui dari saloran pelajaran bahkan juga integration itu mesti melalui dari segi ekonomi. Itu yang paling penting sa-kali. Kalau di-biarkan orang bumiputra dudok dalam kampung² dan pula, ditekan mereka itu oleh kaum² kapitalis, supaya tidak dapat mereka itu masuk di-dalam bahagian ekonomi, maka perkara ini akan menimbulkan satu masalah yang paling burok sa-kali di-dalam negara kita ini. Jalan yang baik-nya sa-kali yang boleh mengubah keadaan ini, ia-lah di-adakan integration di-dalam perkara ekonomi. Di-ajarkan joint venture sama orang Melayu dengan orang bukan Melayu.

Barangkali orang Melayu kekurangan kebijaksanaan di-dalam perkara perdagangan. Di-adakan joint venture dengan orang yang bukan Melayu yang mempunyai kebijaksanaan dan pengalaman yang tinggi dalam perkara perdagangan. Ini dapat-lah menjamin kemajuan orang bumiputra. Kalau tidak "planning" akan tinggal "plan-ning" sahaja—ini tidak akan memberi kesan dan tidak akan memperbaiki kedudukan orang² kampung.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sharahan-nya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa Kerajaan Pusat akan mengalami satu chabahan kewangan untuk membelanjakan wang yang \$4,550 juta di-dalam "Public Sector" kerana kata-nya harga getah sedang jatuh dan "deposit" bijeh timah pun makin sahari makin kurang dan pengeluaran "industry" kita pun tidak memuaskan. Maka di-sini timbul-lah satu keraguan yang besar ia-itu tentang kewangan untuk hendak melaksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama ini. Di-dalam ucapan-nya ada di-sebutkan bahawa harus Kerajaan mengadakan chukai² yang baharu dan bayaran² yang lain² akan dikenakan kepada ra'ayat bagi "public services". Ini saya minta-lah kepada Kerajaan ada-lah satu perkara yang berat bagi ra'ayat jelata sekarang ini sedang memikul bebanan yang berat ia-itu ra'ayat jelata di-kampong².

Baharu² ini Kerajaan telah mengenakan di-atas mereka itu bayaran chukai pelajaran. Buat orang kampong, Tuan Yang di-Pertua, \$1 sangatlah banyak dan besar sangat-lah berat bagi mereka itu hendak membayar \$1 bagi satu lot tanah yang di-punya oleh mereka itu. Tiba² di-sini pula di-sebutkan Kerajaan akan mengenakan bayaran lain² pula ka-atas mereka itu. Ini akan menjadi satu tekanan dan satu bebanan yang paling besar, yang paling berat sa-kali kepada penduduk² yang di-luar bandar yang ada-lah mereka itu terdiri daripada orang yang miskin belaka.

Saya harap-lah kepada pehak Kerajaan apabila hendak datang kepada Rumah ini untuk hendak mengenakan chukai² baharu hendak-lah chukai² itu jangan-lah di-kenakan di-atas barang² makanan mereka itu atau pun chukai "indirect taxation" jangan-lah di-kenakan, di-kenakan-lah "direct taxation" atau pun ka-atas barang² yang tidak di-gunakan oleh orang² kampong saperti sutra, kain bulu dan lain² lagi buah²an dan sa-terus-nya. Kerana sabagaimana yang saya kata ada-lah mereka itu orang miskin dan apa juga chukai baharu yang akan di-kenakan ka-atas mereka itu akan melipat

gandakan lagi kemiskinan dan penderitaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan-nya pula ada di-sebut bahawa Malaysia ini ada kekurangan "skilled employees" atau "entrepreneur". Di-negeri² asing, bahkan di-Singapura, untuk membanyakkan "skilled employees" dan "entrepreneur" ini mereka itu telah mendirikan bermacham² sekolah dan tempat² latehan, polytechnic dan lain² lagi, tetapi dalam negara kita chuma kita mempunyai Technical College, di-Kuala Lumpur dan di-Pulau Pinang. Ini tidak-lah menchukupi. Kerajaan pun mesti-lah mengambil berat di-atas perkara ini dan mendirikan 2, 3, 4 lagi Technical College atau pun Polytechnic supaya dapat di-ajar dan di-latehkan anak² kita di-sana. Mudah²an di-masa tiga empat tahun yang akan datang ini keluar-lah bilangan yang besar daripada penuntut² daripada Polytechnic ini yang dapat menjalankan tugas² mereka itu. Tetapi yang kita dengar dalam Rumah yang mulia ini tiga empat hari yang lalu Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan telah berkata bahawa bukan-lah Kerajaan yang akan mendirikan satu Polytechnic bahkan "Private Polytechnic" akan didirikan oleh satu gulongan kapitalis atau sa-siapa juga tetapi bukan Kerajaan. Kalau di-benar-lah Polytechnic ini di-jalankan oleh orang persorangan atau sharikat-kah atau orang persendirian, maka ini akan timbul pula masalah tindasan harus daripada orang ra'ayat terpelajar daripada bumiputra minta masok kepada Polytechnic itu di-tekan pula dengan alasan yang bermacham². Tekanan ini kita telah dengar beberapa kali di-dalam Rumah yang mulia ini banyak anak² bumiputra yang hendak masok dalam bahagian Science telah di-patahkan semangat mereka itu dan di-suroh dan di-galakkan mereka itu mengambil dan masok kepada bahagian jurusan Arts. Ini aduan dan rayuan telah beberapa kali kita dengar dalam Rumah yang mulia ini. Kalau sa-kiranya di-biarkan Polytechnic ini dijalankan oleh orang persendirian atau pun sharikat yang tertentu dan bukan Kerajaan, maka timbul-lah tindasan² ini maka tidak-lah ada bagi-nya orang²

anak bumiputra harapan untuk dapat masuk ka-sini. Oleh sebab yang demikian saya minta kepada pehak Kerajaan sendiri mengadakan Polytechnic kalau boleh-nya di-adakan Polytechnic ini di-Pantai Timor kalau takut di-Kelantan dirikan-lah di-Trengganu.

Masa penjajah dahulu mereka itu telah menitek beratkan ranchangan kemajuan mereka itu ka-Pantai Barat sahaja dan Pantai Timor di-biar begitu sahaja. Kesudahan-nya sekarang ini Pantai Timor dudok jauh di-belakang, di-dalam kemundoran dan Pantai Barat telah ka-hadapan dengan kemajuan-nya, mempunyai Universiti, mempunyai Technical College, dan sa-terus mempunyai perusahaan² dan yang lain² lagi. Tetapi buat Pantai Timor apa-kah yang Kerajaan telah mengadakan satu ranchangan untuk hendak memperbaiki nasib orang Pantai Timor?

Saya berkata Pantai Timor bukan saya tuju Kelantan sahaja bahkan Trengganu, Pahang dan lain² lagi. Di-sana-lah kebanyakan penduduk² yang terdiri daripada bumiputra, sa-kira-nya di-ada dan di-dirikan oleh Kerajaan Polytechnic negeri di-pantai Timor atau pun universiti lagi di-sana, maka dapat-lah orang² bumiputra di-sana mengechap nekmata ini dan dapat-lah mereka itu bersetanding—berganding bahu bekerja—untuk menchapai kemajuan sama ada dari segi pengetahuan dan lain² lagi. Tetapi kalau di-biarkan sahaja nasib mereka itu sa-bagaimana yang di-biarkan oleh orang Inggeris dahulu, maka tidak-lah ada beza-nya, paras-nya antara kita. Kerajaan kita kata Kerajaan yang hendak memimpin ra'ayat dan hendak membela ra'ayat tetapi kewajipan kita, kita tidak jalankan bahkan maseh ikut lagi polisi² yang telah di-jalankan oleh British dahulu.

Mr Speaker: Saya hendak mengingatkan tentang masa.

Enche' Ahmad bin Arshad: Baik-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Mr Speaker: Lima minit.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Lima minit! Terima kaseh

Dato' Yang di-Pertua, saya bangun adalah membangkang usul yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong. Dalam usul-nya itu telah mendatangkan beberapa hujjah, di-antara yang saya nampak ia-lah beliau telah menguatkan berhubung dengan kekalahan Perikatan dalam kawasan pilihan raya di-Ayer Hitam dan di-Rahang, Negeri Sembilan. Saya tidak bersetuju atas alasan yang di-berikannya itu dengan kekalahan dua tempat ini bahawa ra'ayat maseh kurang perchaya kepada Kerajaan Perikatan. Jadi dengan kekalahan dua kawasan itu tidak boleh di-ukor bahkan ra'ayat terus bertambah yakin kepada dasar Kerajaan Perikatan, khas-nya dalam melancarkan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini. Kekalahan Perikatan itu boleh saya kemukakan ia-lah dari beberapa sudut. Sudut yang pertama oleh sebab parti² pembangkang itu sentimen perkauman, menjalankan berhubung dengan dasar pelajaran.

Yang kedua-nya parti² pembangkang itu menjanjikan kepada ra'ayat dengan janji² yang molok² yang tidak boleh di-laksanakan. Kalau ini sentiasa di-amalkan oleh parti pembangkang, maka rosak-lah keharmonian ra'ayat yang sedang di-pupok atau dibela oleh Kerajaan Perikatan supaya dapat semua ra'ayat dalam negeri ini hidup dalam berbaik² dan dengan itu-lah satu dasar yang paling penting untuk melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Yang kedua dia telah mengatakan bahawa menghendakkan pindaan dalam usul yang di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya di-masokkan perkataan "adil dan sama". Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dan juga rakan²-nya pada mereka hidup dalam tanah ayer ini atau pada menghadapi Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini, sebab menurut pandangan saya, Dato' Yang di-Pertua, ke-adilan yang di-beri kepada mereka, mereka telah di-beri keraayatan dalam negeri, mereka juga telah di-beri hak yang sama, apa-kah ke-adilan yang mereka minta itu? Sa-olah² bagaimana bidalan Melayu kata "di-beri betis menghendakkan paha". Perasaan tidak puas

hati di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak benar, kerana dasar Kerajaan yang berjalan sekarang dapat kita lihat bahawa hak asasi ra'ayat dalam negeri ini dapat di-beri bersama, sama ada ra'ayat bumiputra dan bukan bumiputra, asalkan mereka itu menjadi warga negara Malaysia.

Akhir-nya Dato' Yang di-Pertua, saya ada-lah turut menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana saya nampak usul ini ada-lah satu sinaran yang membawa ke-chermerlang hidup ra'ayat Malaysia pada masa hadapan. Walau pun telah di-tentang oleh Ahli² pehak pembangkang, terutama Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, konon-nya mengatakan bahawa ranchangan ini ada-lah khayal. Jadi

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menudoh, tetapi di-dalam buku ini sendiri menyebut imaginative (khayalan), buku ini sendiri, can you tear this?

Enche' Ahmad bin Arshad: Jadi saya mengaku atas apa yang di-chakap, apa yang saya chakap ini yang terbit daripada mulut Ahli Yang Berhormat. Jadi sa-orang manusia

Mr Speaker: Dua² itu betul (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Arshad: Sa-orang manusia yang menganut, yang tinggi dalam pengetahuan ugama, tidak dapat membenarkan kenyataan yang telah di-buat oleh Kerajaan Perikatan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini, dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ini, Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: At that time I was not in this House, Sir.

Enche' Ahmad bin Arshad: Bagi hendak menunjukkan kenyataan bahawa Kerajaan Perikatan tidak membuat satu perkara yang khayal. Kerajaan Perikatan dalam ranchangan yang di-tunjokkan

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, sadikit sahaja.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tidak dapat lagi, saudara.

Enche' Ahmad bin Arshad: Jadi untuk menunjukkan kepada ra'ayat dan kepada parti Pembangkang, maka dengan Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu satu rangka, satu pelan, yang dapat di-ikuti oleh ra'ayat yang akan memberi faedah kepada ra'ayat dalam kawasan Ahli² Yang Berhormat itu juga. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat itu menganggapkan ranchangan ini khayal, khayal-nya itu tinggal-lah kepada Ahli Yang Berhormat, mudah²-an ra'ayat di-Kelantan akan tidak mahu lagi menerima wakil²-nya yang lain di-chakap, lain yang dapat di-terima oleh ra'ayat. Sa-kian-lah, terima kaseh.

Mr Speaker: Apa dia hendak pula berchakap ini, lagi lima minit lagi.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ya, dua minit?

Mr Speaker: Ya.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Jadi ma'af, Dato' Yang di-Pertua, macham mana saya hendak berchakap dua minit ini.

Mr Speaker: Lima!

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Dapat agak-nya lempah kurnia Dato' 10 minit besok pagi pun tidak apa-lah 10 minit besok pagi. Ini kalau saya chakap pun lebeh masa-nya jadi mengganggu Majlis ini. Untuk 10 minit esok pagi atau pun 15 minit.

Mr Speaker: Baik-lah.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ya, terima kaseh.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, saya minta lima minit—tidak apa—malam ini (*Ketawa*).

Mr Speaker: Jam itu chepat sedikit (*Ketawa*).

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil bahagian asal-nya dalam masalah perbahathan mengenai Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama bagi Malaysia ini, tetapi kerana yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar ia-itu dalam masalah kilang padi di-Kelantan, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ada-kah dia faham kedudukan kilang padi haram di-Kelantan itu? Biar saya benarkan menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Dato' Yang di-Pertua, tetapi tidak-lah perkara itu boleh di-timbulkan di-sini kerana peruntukan yang kita hadap ini bukan-lah kerana kilang padi itu.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, kalau benda itu tidak di-fahamkan dan tidak boleh di-timbulkan sa-patutnya Yang Berhormat Menteri Muda itu tidak menimbulkan benda itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kilang padi haram di-Kelantan ini ialah satu cerita lama sa-belum Yang Berhormat Menteri ini menjadi Menteri Muda lagi pun. Ia-itu kalau di-bangkitkan balek masalah kilang padi haram ini akan timbul-lah cerita² perbalahan di-antara Enche' Aziz Ishak bekas Menteri Sharikat Kerjasama Kerajaan Perikatan ini dengan Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Sa-orang Menteri mahu menghidupkan Sharikat Kerjasama dengan tidak mahu membawa masuk kilang² padi yang haram dan sa-orang Menteri lagi kerana menghasilkan negara ini di-benarkan, bawa masuk kilang² haram. Jangan menuduh Kerajaan Kelantan sa-suatu sa-belum kita tahu kedudukan yang sa-benar-nya. Apabila sekarang ini ada kilang² haram di-Kelantan itu kerana Kerajaan membenarkan benda itu.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Oleh sebab perkara ini sudah berlarutan sudah wajib-lah bagi Kerajaan Kelantan itu menutup atau pun tidak mem-

benarkan lagi kilang itu hingga hari ini berjalan.

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat itu tahu bahawa lesen untuk kilang padi . . .

Mr Speaker: Nanti dahulu satu², sa-orang².

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, nombor satu kilang padi atau pun padi haram di-Kelantan itu bukan Kerajaan PAS yang mengeluarkan, bukan Kerajaan PAS yang mengeluarkan lesen itu, Menteri Yang Berhormat ini menyerahkan kuasa mengeluarkan lesen itu kepada Setia-usaha Kerajaan Negeri Kelantan, bukan Kerajaan PAS, biar kita faham sa-suatu benda hendak berchakap ini, jangan orang luar kata kita bodoh. Setia-usaha Kerajaan memegang tauliah daripada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam masalah itu. Tidak ada bersangkut-paut dengan Kerajaan Kelantan (*Gangguan*) kalau Yang Berhormat Menteri itu hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua, lepas saya berchakap ini dia jawab—saya hendak lima minit sahaja.

Mr Speaker: Lima minit sudah ini.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tidak, baharu dua, saya tengok jam, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Mr Speaker: Jam pun tidak sama ini (*Ketawa*). Baik kita beri Menteri jawab untuk penjelasan.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Enche' Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, kuasa mengeluarkan lesen ini bukan dudok di-tangan saya sa-bagai Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi pada Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, saya tarek balek perkataan Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan saya pindah perkataan itu kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Saya harap dengan penjelasan itu faham-lah sudah Menteri Muda kita ini akan kedudukan kilang padi haram di-Kelantan itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua masaalah bawa masuk kilang ini orang Kelantan sudah beli benda itu

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, perkara membenarkan lesen ini berjalan atau pun tidak atau pun mengharamkan kilang daripada berjalan ia-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri, kerana itu ada-lah kuasa Kerajaan Negeri, di-serahkan kepada Kerajaan Negeri. Bagitu-lah sebab-nya patut-lah perkara ini tidak di-wujudkan lagi.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengungkit masaalah ini, tetapi Yang Berhormat Menteri Muda itu menghentam Wakil daripada

Kelantan Hilir, mengatakan Kerajaan Negeri Kelantan yang membenarkan benda itu. Ra'ayat Kelantan dengan yang susah, yang miskin, yang papa, mengumpulkan wang beli kilang² padi kechil ini—beli untok perusahaan di-kampong. Tiba² kita hendak pergi mengeluarkan undang² mengharamkan benda itu.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, sebab pun saya katakan bagitu ia-lah di-sebabkan timbulnya satu perkara gagal-nya sharikat² kerjasama di-Kelantan. Ada pun sebab-nya gagal sharikat kerjasama di-Kelantan itu ia-lah dengan sebab ada-nya Chambahan beberapa banyak kilang² yang macham itu tadi.

Mr Speaker: Persidangan ini ditangguhkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

House adjourned at 8.02 p.m.